KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# LAPORAN PENCAPAIAN PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 2021-2025

# OSHMP25



TAHUN 2023

PELAN INDUK KKP 2025

**KKP INKLUSIF** :
KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

# Ringkasan Pencapaian OSHMP25



TAHUN 2023

# KANDUNGAN


Kata-Kata Aluan



iv

Ringkasan Eksekutif

v

Laporan Prestasi Pencapaian OSHMP25 Tahun 2022

vi



Teras Strategik 1

Pemerkasaan KKP Di Sektor Awam

13





Teras Strategik 2

Pengukuhan Amalan Peraturan Kendiri Di Tempat Kerja

27

**Teras Strategik 3**
Penggalakan Pendidikan dan Penyelidikan KKP
**41**




**Teras Strategik 4**
Pemerkasaan Kesihatan Pekerjaan
**49**

**Teras Strategik 5**
Peningkatan Pematuhan KKP di Sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana
**61**

**Teras Strategik 6**
Pemantapan KKP Melalui Teknologi
**72**

**Teras Strategik 7**
Peningkatan KKP bagi pekerjaan berkaitan keselamatan jalan raya (WRRS), sektor informal dan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*)
**86**

**Laporan Kewangan Tahun 2023**
**98**



**Analisis Kewangan Dan Program Yang Dilaksanakan Mengikut Teras Strategik OSHMP 25**
**100**

# KATA-KATA ALUAN

## PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA OSHMP25



Kementerian Sumber Manusia melalui JKKP sentiasa komited untuk memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja di dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif. Komitmen ini dizahirkan melalui pelbagai pendekatan dan antaranya adalah menerusi pelan strategik Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2021-2025 (OSHMP25) ini merupakan kesinambungan terhadap tiga (3) pelan strategik lima (5) tahun terdahulu yang telah bermula sejak tahun 2006 dengan matlamat membentuk **'Budaya Kerja yang Selamat dan Sihat di Malaysia'.** Tahun 2023 pula merupakan tahun ke-3 pelaksanaannya dan seiring dengan perubahan teknologi, trend ekonomi dan perubahan dalam cara kerja, banyak hazard baru muncul.

Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di Malaysia telah mengalami beberapa proses transformasi yang signifikan sejajar dengan perkembangan industri, perubahan persekitaran dan teknologi dan telah mengubah landskap KKP negara. Sehubungan itu, adalah diharapkan melalui program-program yang telah dirancang di bawah **7 Teras Strategik, 28 program** dan **74 Aktiviti** di dalam OSHMP25 terus mampu menelusuri isu-isu KKP di Malaysia.

Adalah menjadi harapan saya Pelan Induk ini dengan tema **OSHMP25: KKP Inklusif – Kebersamaan dan Komitmen,** mampu mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan sihat, setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Terima kasih.

# RINGKASAN EKSEKUTIF

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah melaksanakan Pelan Induk KKP 2011-2015 (OSHMP 15) dan disusuli Pelan Induk KKP 2016-2020 (OSHMP 2020). Pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara 2021-2025 (OSHMP25) ini merupakan kesinambungan dan usaha berterusan Kerajaan ke arah mewujudkan budaya kerja selamat dan sihat di Malaysia. Strategi utama OSHMP 25 berpaksikan inisiatif untuk melonjakkan 'kebersamaan dan komitmen' pihak-pihak berkepentingan terhadap menambahbaik pengurusan dan amalan KKP di Malaysia. Semua pihak perlu berganding bahu dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dalam usaha menjadikan tempat kerja selamat dan sihat melalui amalan budaya keselamatan.

Empat (4) objektif utama pelaksanaan OSHMP25 yang disasarkan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan nilai KKP setaraf dengan kepentingan produktiviti dan kualiti.
2. Mewujudkan persekitaran kerja sihat, selamat dan kondusif.
3. Menerajui kebersamaan keselamatan dan kesihatan untuk kemakmuran rakyat.
4. Memastikan kelestarian dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

Ke arah mencapai objektif yang disasarkan, OSHMP25 telah memperkenalkan tujuh (7) Teras Strategik yang akan dilaksanakan dirujuk seperti berikut:

1. TS 1: Pemerkasaan KKP di Sektor Awam
2. TS 2: Pengukuhan amalan peraturan kendiri di tempat kerja.
3. TS 3: Penggalakan pendidikan & penyelidikan KKP.
4. TS 4: Pemerkasaan kesihatan pekerjaan.
5. TS 5: Peningkatan pematuhan KKP di sektor PKS.
6. TS 6: Pemantapan KKP melalui teknologi; dan
7. TS 7: Peningkatan keselamtan dan kesihatan pekerjaan bagi pekerjaan berkaitan keselamatan jalan raya (WRRS), sektor informal dan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*).

Sasaran pencapaian pelaksanaan OSHMP 25 pada tahun 2025 adalah:

1. Menurunkan kadar kematian pekerjaan kepada 2.93/ 100,000 pekerja.
2. Menurunkan kadar kemalangan pekerjaan kepada 2.13/ 1,000 pekerja; dan
3. Meningkatkan kadar pelaporan penyakit dan keracunan pekerjaan sebanyak 30%.

# LAPORAN PRESTASI PELAN INDUK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHMP25) TAHUN 2023

## RINGKASAN UMUM PENCAPAIAN

Sehingga Disember 2023, pencapaian tahunan OSHMP25 secara amnya mencatatkan pencapaian 95% berbanding sasaran 100%, menepati sasaran yang ditetapkan. Secara kumulatif, pencapaian keseluruhan OSHMP25 mencatatkan perkembangan 57% dan berada di landasan yang baik ke arah mencapai pencapaian 100% menjelang Disember 2025 kelak.

Infografik pencapaian tahunan OSHMP25 tahun 2023 dan pencapaian kumulatif OSHMP25 bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu dari 2021 hingga 2023.

## SCORE BOARD PENCAPAIAN OSHMP25 TAHUN 2022




## PENCAPAIAN KESELURUHAN MENGIKUT TERAS STRATEGIK OSHMP25

Sehingga Disember 2023, setiap Teras Strategik (TS) OSHMP25 telah memulakan langkah bagi mencapai setiap KPI yang telah ditetapkan. Pencapaian setiap TS dirangkumkan di dalam rajah di bawah:

## 1 PENCAPAIAN TAHUNAN (TAHUN 2023)




Pencapaian Purata Tahunan 2023

**95%** | **100%**

**24 PROGRAM**

- **24 Program** di atas indikatif pencapaian yang baik (melebihi 85%) bagi Sukuan 4 tahun 2023
- Terdapat **4 program** berada di bawah pencapaian indikatif 85%

## PENCAPAIAN KUMULATIF (2021-DISEMBER 2023) 2




Pencapaian Purata Kumulatif dari 2021-Disember 2023

**57%** | **62%**

**24 PROGRAM**

- **24 Program** di atas indikatif pencapaian yang baik (melebihi 85% ) bagi tempoh 2021)-Disember 2023
- Terdapat **4 program** berada di bawah pencapaian indikatif 85%

## 3 PENCAPAIAN OSHMP25 (BAGI KPI UTAMA)

**2 KPI UTAMA**

**2 penunjuk** prestasi utama (KPI) ditetapkan di dalam OSHMP25 bagi 2023 berjaya dicapai, 3 penunjuk tidak tercapai dan 1 penunjuk masih dalam proses penilaian (Peringkat Laporan Interim 2)

# SCOREBOARD OSHMP25 SUKUAN 4 2023

PELAN INDUK KKP 2025

KKP INKLUSIF : KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN

## PENCAPAIAN TAHUNAN OSHMP25 (2023)




CAPAI Q4 2023 | SASAR Q4 2023




**INDIKATIF PENCAPAIAN PRESTASI OSHMP 25**

- 85% ke atas
- 75% - 84%
- 74% dan ke bawah

### TS 1: PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM

SCOREBOARD 2023 **90%**

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4 2023




| | | |
|---|---|---|
| P1- | Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP | 75% |
| P2- | Memperkasa fungsi KKP | 100% |
| P3- | Kerajaan Sebagai Penggerak | 100% |
| P4- | Transformasi Penguatkuasaan KKP | 81% |
| P5- | Memantapkan Pengurusan Data Pengkalan Data KKP | 77% |

### TS 2: PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

SCOREBOARD 2023 **94%**

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4 2023




| | | |
|---|---|---|
| P1- | Pemilikan dan Kepimpinan KKP | 100% |
| P2- | Pelaksanaan Peraturan Kendiri yang Sistematik | 91% |
| P3- | Penambahbaikan Amalan Terbaik KKP Menerusi Intervensi di Tempat Kerja | 86% |
| P4- | Kesiapsiagaan Kawalan Kendiri Pekerja | 100% |

### TS 3: PENGGALAKAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP

SCOREBOARD 2023 **94%**

SASARAN (TAHUNAN) 100%

SCOREBOARD Q4 2023




| | | |
|---|---|---|
| P1- | Meningkatkan Kesedaran, Pendidikan dan Libatsama Komuniti dalam KKP | 85% |
| P2- | Kompetensi dan Keupayaan KKP di Tempat Kerja | 100% |
| P3- | Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan KKP | 96% |

## TS 4: PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN

**SCOREBOARD 2023** **96%**

**SASARAN (TAHUNAN) 100%**

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Menyediakan Pengamal Kesihatan Pekerjaan yang Kompeten di Tempat Kerja | 82% |
| P2- Pengurusan Risiko Kesihatan Pekerjaan Secara Komprehensif | 100% |
| P3- Kesedaran dan Perkongsian Maklumat Berkaitan Kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan | 100% |
| P4- Memperkasakan Higien Industri Ke Arah Peningkatan Kualiti Pekerjaan | 100% |
| P5- Mengintergrasikan Peniliaian Risiko Kesihatan Pekerjaan | 100% |

## TS 5: PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PKS

**SCOREBOARD 2023** **96%**

**SASARAN (TAHUNAN) 100%**

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Dana Khas untuk Aktiviti KKP di PKS | 97% |
| P2- Memantapkan Sistem Pengurusan KKP PKS (OSHMS) | 100% |
| P3- Pemantapan Sokongan dan Kerjasama Antara Agensi Serta Inisiatif Program Khas | 100% |
| P4- Peningkatan Pengetahuan, Kemahiran dan Komitmen KKP | 88% |

## TS 6: PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

**SCOREBOARD 2023** **100%**

**SASARAN (TAHUNAN) 100%**

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0 | 100% |
| P2- Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP | 100% |
| P3- Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital | 100% |

## TS 7: PENINGKATAN KKP BAGI PEKERJAAN BERKAITAN KESELAMATAN JALAN RAYA (WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS).

**SCOREBOARD 2023** **95%**

**SASARAN (TAHUNAN) 100%**

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Memantapkan Kesedaran dan Kepekaan Amalan KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan (Future Jobs) | 100% |
| P2- Memantapkan Kesedaran dan Kepekaan Amalan KKP Dalam Perkhidmatan E-Hailing Termasuk Perkhidmatan Penumpang, Penghantaran Barangan, Makanan, Servis atau Lain-lain) | 100% |
| P3- Memperkukuhkan Pengurusan WRRS | 78% |
| P4- Penambahbaikan KKP di Sektor Informal | 100% |

# SCOREBOARD OSHMP25 KUMULATIF - 2021-DIS 2023

PELAN INDUK KKP 2025
KKP INKLUSIF : KEBERSAMAAN DAN KOMITMEN

## PENCAPAIAN KUMULATIF OSHMP25 (2021-DIS 2023)




CAPAI Q4 2023

SASAR Q4 2023




**INDIKATIF PENCAPAIAN OSHMP 25 BERBANDING SASARAN SEMASA**

- 85% ke atas
- 75% - 84%
- 74% dan ke bawah

### TS 1: PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM

| SCOREBOARD 2023 | 53% |
|---|---|
| SASARAN (Q4) 2023 | 59% |

SCOREBOARD Q4 2023




| | |
|---|---|
| P1- Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP | 49/57 |
| P2- Memperkasa fungsi KKP | 55/58 |
| P3- Kerajaan Sebagai Penggerak | 55/60 |
| P4- Transformasi Penguatkuasaan KKP | 56/60 |
| P5- Memantapkan Pengurusan Data Pengkalan Data KKP | 48/60 |

### TS 2: PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

| SCOREBOARD 2023 | 55% |
|---|---|
| SASARAN (Q4) 2023 | 59% |

SCOREBOARD Q4 2023




| | |
|---|---|
| P1- Pemilikan dan Kepimpinan KKP | 51/55 |
| P2- Pelaksanaan Peraturan Kendiri yang Sistematik | 52/59 |
| P3- Penambahbaikan Amalan Terbaik KKP Menerusi Intervensi di Tempat Kerja | 54/58 |
| P4- Kesiapsiagaan Kawalan Kendiri Pekerja | 65/65 |

### TS 3: PENGGALAKAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP

| SCOREBOARD 2023 | 53% |
|---|---|
| SASARAN (Q4) 2023 | 60% |

SCOREBOARD Q4 2023




| | |
|---|---|
| P1- Meningkatkan Kesedaran, Pendidikan dan Libatsama Komuniti dalam KKP | 49/60 |
| P2- Kompetensi dan Keupayaan KKP di Tempat Kerja | 54/60 |
| P3- Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan KKP | 57/62 |

## TS 4: PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN

| | |
|---|---|
| SCOREBOARD 2023 | 56% |
| SASARAN (Q4) 2023 | 61% |

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Menyediakan Pengamal Kesihatan Pekerjaan yang Kompeten di Tempat Kerja | 40/45 |
| P2- Pengurusan Risiko Kesihatan Pekerjaan Secara Komprehensif | 54/60 |
| P3- Kesedaran dan Perkongsian Maklumat Berkaitan Kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan | 54/60 |
| P4- Memperkasakan Higien Industri ke Arah Peningkatan Kualiti Pekerjaan | 60/61 |
| P5- Mengintergrasikan Peniliaian Risiko Kesihatan Pekerjaan | 70/70 |

## TS 5: PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PKS

| | |
|---|---|
| SCOREBOARD 2023 | 58% |
| SASARAN (Q4) 2023 | 63% |

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Dana Khas untuk Aktiviti KKP di PKS | 55/66 |
| P2- Memantapkan Sistem Pengurusan KKP PKS (OSHMS) | 56/58 |
| P3- Pemantapan Sokongan dan Kerjasama Antara Agensi Serta Inisiatif Program Khas | 67/67 |
| P4- Peningkatan Pengetahuan, Kemahiran dan Komitmen KKP | 54/60 |

## TS 6: PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

| | |
|---|---|
| SCOREBOARD 2023 | 68% |
| SASARAN (Q4) 2023 | 68% |

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0 | 82/85 |
| P2- Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP | 70/70 |
| P3- Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital | 51/51 |

## TS 7: PENINGKATAN KKP BAGI PEKERJAAN BERKAITAN KESELAMATAN JALAN RAYA (WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS).

| | |
|---|---|
| SCOREBOARD 2023 | 58% |
| SASARAN (Q4) 2023 | 68% |

**SCOREBOARD Q4 2023**




| | |
|---|---|
| P1- Memantapkan Kesedaran dan Kepekaan Amalan KKP Bagi Pekerjaan Masa Hadapan (*Future Jobs*) | 47/47 |
| P2- Memantapkan Kesedaran dan Kepekaan Amalan KKP Dalam Perkhidmatan E-Hailing Termasuk Perkhidmatan Penumpang, Penghantaran Barangan, Makanan, Servis atau Lain-lain) | 74/78 |
| P3- Memperkukuhkan Pengurusan WRRS | 57/63 |
| P4- Penambahbaikan KKP di Sektor Informal | 53/63 |

# TERAS STRATEGIK 1

## PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM

### Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Ir. Noorazman bin Soud (PSD)
**Pengerusi Teras Strategik**

Dr. Abdul Jalil bin Hassan
Timb. Pengarah Kanan Bahagian
Pengurusan Psikologi (JPA)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

En. Abdul Muhaimin bin Abdullah
**Urusetia Teras Strategik**

En. Hasnul Rahimy bin Kandar
**Urusetia Nasional**

| **Program 1:** Dr. Ramuna binti Mohamed (PSD) | **Program 2:** Ir. Zamzurin bin Maarof (Perak) | **Program 3:** Ir. Dr. Nor Halim bin Hassan (Sarawak) | **Program 4:** Ir. Ahmad Jailani bin Mansor (PSD) | **Program 5:** Pn. Salina binti Tukiman (BKF) |
|---|---|---|---|---|
| Memartabatkan dasar dan perundangan KKP | Memperkasa fungsi MNKKP (MNKKP pemangkin pengaturan kendiri KKP | Kerajaan sebagai penggerak KKP | Transformasi Penguatkuasaan KKP | Memantapkan pengurusan Pangkalan Data KKP |

**Ahli Jawatankuasa Dalaman**

**Program 1**

1. Pn. Hashimah binti Hussan (BDAPP)
2. Pn. Norsalnita binti Md Noor (BDAPP)

**Program 2**

1. En. Aguse bin Adi (MNKKP)
2. En. Mohd Yunus bin Izham (MNKKP)
3. Ts. Muhammad Shah bin Ab.Rahim (BDAPP)
4. Pn. Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Faudzi (WPKL)
5. En. Ahmad Syuhairi bin Abdullah (NS)
6. En. Mohammed Haffis bin Mohassin Molla (MNKKP)
7. Pn. Sufiah binti Mohamad Yahya (BKI)
8. En. Anuksin A/L Eh Klim (MNKKP)
9. En. Mat Zawawi bin Zakaria (MNKKP)

**Program 3**

1. Hjh. Noria binti Mohamad Ali (BIKSSBK)
2. En. Amree bin Ghazi (Perlis)
3. Ir. Ts. Mohd Fairuz bin Mohd Rashid (PSD)
4. En. Mohd Hafiz bin Mazlan (NS)
5. YM Raja Mohd Faizal bin Raja Md Salleh (Sarawak)

**Program 4**

1. Pn. Mahani bin Ibrahim (Selangor)
2. En. Ahmad Afiqul Haq bin Abdul Razak (WPKL)
3. Ts. Shaifulazri bin Zainulabidin (PSD)
4. En. Ahmad Syuhairi bin Abdullah (NS)
5. Wan Sahrizat bin Wan Mahmood (BKI)
6. Ts. Mohd Rafiah bin Ismail (BPMI)

**Program 5**

1. En. Wan Aminuddin bin Wan Ismail (BPK)
2. Pn. Ruzila binti Jusoh (STM)
3. Ts. Kasman bin Nasir (PSD)
4. Ts. Muhammad Shah bin Ab Rahim (BDAPP)
5. En. Syahrul Nizam bin Shaharuddin (BIKSSBK)
6. En. Muhamad Nor Hikshan bin Sam (BKI)
7. Pn. Nur Iyliana binti Mustapha (BKF)

# TERAS STRATEGIK 1

## PEMERKASAAN KKP DI SEKTOR AWAM

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 14% | 19% | 15% | 0% | 0% | 75% | 49% |
| P2 | 14% | 21% | 21% | 0% | 0% | 100% | 55% |
| P3 | 15% | 20% | 20% | 0% | 0% | 100% | 55% |
| P4 | 16% | 20% | 20% | 0% | 0% | 100% | 56% |
| P5 | 13% | 20% | 15% | 0% | 0% | 77% | 48% |
| **Keseluruhan** | **14%** | **20%** | **19%** | **0%** | **0%** | **90%** | **53%** |

**Teras Strategik 1: Pemerkasaan KKP di Sektor Awam** merupakan teras strategik yang menumpukan kepada meningkatkan prestasi KKP di kalangan agensi kerajaan dan penjawat awam agar Kerajaan menjadi peneraju KKP dan seterusnya menjadi contoh kepada sektor-sektor lain dalam bidang KKP.

Antara keberhasilan yang disasarkan ialah:

(a) penyemakan dasar dan perundangan KKP yang komptemporari bagi menangani isu KKP yang dinamik;

(b) peningkatan peranan Kerajaan ke arah penubuhan pusat kecemerlangan KKP Negara; serta

(c) pewujudan sistem pangkalan data kemalangan dan aduan yang strategik dan komprehensif bagi memantau prestasi KKP Negara.

Lima (5) program telah digariskan di bawah Teras Strategik 1 bagi mencapai sasaran seperti di atas iaitu:

**(a) Program 1: Memartabatkan Dasar dan Perundangan KKP;**

**(b) Program 2: Memperkasa Fungsi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP);**

**(c) Program 3: Kerajaan sebagai Penggerak KKP;**

**(d) Program 4: Transformasi Penguatkuasan KKP; dan**

**(e) Program 5: Memantapkan Pengurusan Pengkalan Data KKP.**

Pada tahun 2023, pencapaian tahun semasa Teras Strategik 1 adalah sebanyak 90% dan pencapaian kumulatif adalah sebanyak 53%.

# TS 1 PROGRAM 1
## MEMARTABATKAN DASAR DAN PERUNDANGAN KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| Program 1: MEMARTABAT-KAN DASAR DAN PER-UNDANGAN KKP | A1 | Menggubal perundangan KKP baru mengikut keperluan yang kritikal dan berlesen seiring dengan perundangan antarabangsa | 50% | 10% | 18% | 10% | 0% | 0% | 38% |
| | A2 | Menyemak keberkesanan akta dasar, peraturan dan tataamalan secara berkala | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | **Keseluruhan** | | **75%** | **14%** | **19%** | **15%** | **0%** | **0%** | **49%** |

Program-program yang memartabatkan dasar dan perundangan KKP terus diberikan penekanan bagi tahun 2023 ini melalui **Program 1: Memartabatkan Dasar & Perundangan KKP.** Justeru, aktiviti-aktiviti penggubalan perundangan KKP baru serta aktiviti-aktiviti penyemakan keberkesanan dasar serta mekanisme perundangan seperti akta, peraturan dan tataamalan terus diberikan tumpuan oleh pengurusan tertinggi JKKP. Tambahan pula, aktiviti-aktiviti ini menjadi kritikal apabila JKKP semakin hampir kepada penguatkuasaan pindaan AKKP 1994 dan pemansuhan AKJ 1967. JKKP menjangka pindaan AKKP dan pemansuhan AKJ 1967 dapat dilaksanakan sepenuhnya menjelang tahun 2024 nanti. Maka, persediaan yang rapi perlulah diatur agar penguatkuasaan pindaan AKKP 1994 dan pemansuhan AKJ 1967 dapat dijalankan dengan teratur dan lancar.

**Aktiviti 1: Menggubal Perundangan KKP Baru Mengikut Keperluan yang Kritikal dan Berkesan seiring dengan Perundangan Antarabangsa** merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Program 1 ini. Aktiviti ini dimasukkan ke dalam plan strategik OSHMP25 dengan tujuan untuk terus mempertabatkan dasar dan perundangan KKP ini. Aktiviti ini merangkumi rantaian proses yang terlibat di dalam pewujudan sesuatu mekanisme perundangan. Ia merupakan satu proses yang panjang dan memerlukan komitmen yang tinggi dari pelbagai pihak serta memfokuskan kepada memuktamadkan draf-draf peraturan, seranta umum serta perbincangan bersama-sama Penasihat Undang-Undang Jabatan dan Kementerian Sumber Manusia (KSM). Manakala, **Aktiviti 2: Menyemak Keberkesanan Akta, Dasar, Peraturan dan Tataamalan Secara Berkala** pula memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti penyemakan berkala dokumen sokongan perundangan khususnya garis panduan berkaitan dengan peraturan-peraturan

di bawah AKKP 1994 yang sedang berkuatkuasa. Ia bertujuan bagi memastikan dokumen sokongan perundangan KKP sentiasa mantap, relevan dan berkesan. Bagi tahun 2023, keberhasilan keseluruhan Program 1 adalah sebanyak 75% yang disumbangkan oleh kedua-dua aktiviti ini.

Bagi tahun 2023, Aktiviti 1 diteruskan dengan proses memuktamadkan dua (2) peraturan baru iaitu Peraturan Jentera Berperakuan dan Peraturan Skim Pemeriksaan Khas dan dua (2) perintah baru iaitu Perintah Pengecualian Jentera Luar Pantai dan Perintah Orang Berlesan. Bagi proses memuktamadkan peraturan-peraturan dan perintah-perintah ini, beberapa siri perbincangan telah diadakan. Perbincangan ini melibatkan perbincangan di peringkat jawatankuasa dan seterusnya apabila draf peraturan telah dipersetujui di peringkat Jabatan, ia akan dikemukakan kepada Penasihat Undang-Undang Jabatan dan KSM untuk tujuan semakan. Selesai semakan, draf tersebut dimajukan ke Jabatan Peguam Negara untuk tujuan perwartaan. Aktiviti ini diberikan tumpuan utama disebabkan ia merupakan keperluan kritikal sebelum pemansuhan AKJ 1967 dapat dilaksanakan. Bagi Aktiviti 1 ini keberhasilan yang direkodkan adalah sebanyak 50%.

Manakala bagi Aktiviti 2 pula, keberhasilan yang berjaya dicapai adalah sebanyak 100%. Fokus bagi tahun 2023 adalah kepada mekanisme perundangan di peringkat penyemakan garis panduan memandangkan kesemua tataamalan di bawah AKKP 1994 telah berjaya disemak. Satu garis panduan iaitu *Guidelines on Storage of Hazardous Chemicals: A Guide for Safe Warehousing of Packaged Hazardous Chemicals (2005)* telah dipilih dan penyemakan kepada keberkesanannya telah berjaya diadakan.

# TS 1 PROGRAM 2
## MEMPERKASA FUNGSI MNKKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: MEM-PERKASA FUNGSI MNKKP** | A1 | Meningkatkan fungsi MNKKP sebagai peneraju aktiviti KKP negara | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A2 | Menjalinkan hubungan kerjasama dengan beberapa Agensi utama terpilih berkaitan isu KKP | 100% | 6% | 23% | 23% | 0% | 0% | 51% |
| | A3 | Memperkasa dan meluaskan keahlian badan berkepentingan sebagai jawatankuasa yang merangkumi semua pemegang taruh | 100% | 16% | 20% | 20% | 0% | 0% | 56% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **14%** | **21%** | **20%** | **0%** | **0%** | **55%** |

**Program 2: Memperkasa Fungsi Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MNKKP)** terdiri daripada tiga (3) aktiviti. **Aktiviti 1** ialah **Meningkatkan keberkesanan MNKKP sebagai Peneraju Aktiviti KKP Negara.** Beberapa inisiatif telah dijalankan di bawah aktiviti ini seperti Majlis Sambutan World OSH Day yang diadakan pada 28 April 2023 melalui ucapan YB Menteri Sumber Manusia secara dalam talian, Sambutan Minggu KKP pada 12 Julai 2023 di Blok Setia Perkasa 8, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya yang dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia dan Majlis Anugerah KKP Negara 2022 diadakan pada 25 Oktober 2023 di One World Hotel, Petaling Jaya, Selangor yang disampaikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia. Majlis anugerah ini diadakan pada tarikh tersebut kerana bersempena dengan Persidangan Asia Pacific Occupational Safety & Health Organization (APOSHO) 2023

Bagi **Aktiviti 2: Menjalinkan Hubungan Kerjasama dengan Beberapa Agensi Utama Terpilih yang Berkaitan dengan Isu KKP,** buat masa kini Jabatan telah berkerjasama dengan beberapa pihak lain seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) dan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM). Antara program yang dijalankan di bawah aktiviti ini ialah penganjuran Karnival Kesihatan Pekerjaan 2023 dengan pengisian aktiviti kesihatan termasuk mengadakan pameran dan saringan kesihatan asas ke atas penjawat awam di Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya. Pelancaran program ini telah diadakan pada 12 Julai 2023 dan Majlis Penutup pula pada 1 November 2023 di

Blok Setia Perkasa 8, Kompleks Setia Perkasa, Putrajaya. Lain-lain program adalah seperti di bawah:

(a) *Masters Builders Association Malaysia (MBAM) Annual OSH Conference 2023* yang telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 17 Mei 2023 di Sunway Hotel & Resort, Selangor;

(b) Seminar KKP iaitu Program Pelancaran DOSH 1648K Virtual Steps Challenge (Program Biro Kesihatan Pekerjaan dan Bahagian Kesihatan Pekerjaan, JKKP) telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 12 Julai 2023;

(c) Seminar KKP di Sektor Pembinaan telah diadakan pada 10 Oktober 2023 di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang; dan

(d) Bengkel KKP Sektor Infomal (Sawit) telah diadakan pada 6 November 2023 di Trolak, Perak.

**Aktviti 3** ialah **Memperkasa dan Meluaskan Keahlian Badan Berkepentingan sebagai Jawatankuasa yang Merangkumi Semua Pemegang Taruh.** Di bawah aktiviti ini di peringkat antarabangsa, MNKKP telah menyaksikan Memorandum of Understanding (MOU) OSH Promotion antara Malaysian Occupational Safety and Health Practitioners' Association (MOSHPA) dan National Safety Council of India (NSC) yang dihadiri oleh Dato' (Dr.) Kanagaraja Raman, Presiden MOSHPA bersama MNKKP pada 17 Mac 2023 di India. JKKP dan MNKKP juga telah terlibat di dalam penganjuran beberapa program antarabangsa iaitu:

(a) 37th APOSHO Conference 2023 yang telah diadakan pada 23 - 26 Oktober 2023 di Shah Alam, Selangor dan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia; dan

(b) *Third Country Country Programme (TCTP): OSH Management for Asian Countries pada 9-20 Oktober 2023* dengan kerjasama Kementerian Luar Negeri (KLN) dan *Japan International Cooperation Agency (JICA).*

Di samping itu, pegawai Jabatan telah menyertai lima (5) program di peringkat ASEAN OSH Network (ASEAN-OSHNET), enam (6) program di bawah *International Labour Organisation* (ILO), tiga (3) program *Organisation for the Prohibition of Chemical Weapons (OPCW)* dan 10 program antarabangsa lain sepanjang tahun 2023.




Majlis Pelancaran OSH 1648K Virtual Steps Challenge sempena Sambutan Minggu KKP pada 12 Julai 2023 dilancarkan oleh YB Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Auditorium Kompleks D




YAB Dato' Sri Haji Fadilah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri bersama YB Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Persidangan *Asia Pacific Occupational Safety & Health Organization* (APOSHO) 2023 pada 23-26 Oktober 2023 di MBSA Convention Centre, Shah Alam



YBrs. Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP bersama Pemenang Anugerah KKP Negara semasa Majlis Anugerah KKP Negara 2022 yang telah diadakan di One World Hotel, Petaling Jaya pada 25 Oktober 2023




Kehadiran YBrs. Ir. Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP ke *24th ASEAN-OSHNET Coordinating Board Meeting and 10th ASEAN-OSHNET Conference* di Filipina pada 13-14 September 2023.

# TS 1 PROGRAM 3
## KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: KERAJAAN SEBAGAI PENGGERAK** | A1 | Memantapkan KKP di sektor awam melalui KSN | 100% | 11% | 20% | 20% | 0% | 0% | 51% |
| | A2 | Memasukkan kriteria KKP ke dalam perolehan mengikut Garis Panduan Pengurusan Kontrak 2015 dan syarat lesen operasi syarikat | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A3 | Penubuhan *Excellent Centre* bagi KKP (COE) dalam bentuk penyusunan perjawatan SME JKKP ke dalam satu bahagian khusus | 100% | 18% | 20% | 20% | 0% | 0% | 58% |
| | A4 | Meneruskan pemberian insentif dan pengiktirafan kepada majikan dan pekerja yang cemerlang dalam mematuhi perundangan berkaitan KKP | 100% | 10% | 20% | 20% | 0% | 0% | 50% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **15%** | **20%** | **20%** | **0%** | **0%** | **55%** |

**Program 3: Kerajaan sebagai Penggerak KKP** berpaksikan kepada teras bahawa Kerajaan sepatutnya berperanan untuk menjadi peneraju dan penggerak KKP negara dan bukan sebaliknya. **Aktiviti 1** di bawah Program 3 ialah **Memantapkan KKP di Sektor Awam melalui Ketua Setiausaha Negara (KSN).** Hasil daripada Surat Pekeliling Am (SPA) KSN Bil. 1/2019 yang mengarahkan semua agensi kerajaan untuk memberi penumpuan kepada KKP, bagi tahun 2023 Jabatan telah menjalankan audit ulangan di 11 Kementerian, 7 Jabatan dan 4 agensi utama. Pemilihan tempat kerja tersebut berdasarkan keputusan audit yang diadakan pada tahun 2021 yang berada di paras Gred C. Kesemua tempat kerja tersebut telah mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) sebagai medan membincangkan isu KKP. Bagi memantapkan lagi pematuhan KKP di sektor awam, 11 klinik KKP telah di adakan bagi membincangkan berlaksanaan KKP. Di samping itu, 9 modul E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) berkaitan latihan penyelaras KKP (OSH coordinator – OSH-C) telah

ditauliahkan dan dimuatnaik ke dalam EPSA. Manakala seramai 627 penjawat awam telah menghadiri kursus OSH-C yang dianjurkan dengan kerjasama kementerian, jabatan dan agensi utama dengan JKKP. Jawatankuasa Pembangunan Draf Dasar KKP Sektor Awam juga telah dilantik yang terdiri daripada wakil dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), KSM dan JKKP dan telah mengadakan Mesyuarat Pembangunan Draf Dasar KKP Sektor Awam pada 10-13 Oktober 2023.

**Aktiviti 2: Memasukkan Kriteria KKP ke dalam Perolehan Kerajaan** dibuat dengan membangunkan draf Panduan Perolehan KKP Dalam Perolehan Kerajaan dan draf tersebut telah siap untuk diuji cuba. Jawatankuasa telah menjalankan satu Bengkel Focus Group Discussion Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan Bersama Kementerian/Jabatan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan untuk menerangkan dan mendapatkan maklum balas berkaitan panduan yang telah dibangunkan daripada peserta bengkel. Satu post mortem telah dijalankan bagi menganalisis maklum balas berdasarkan soalan yang dikemukakan peserta dan cadangan lain yang diberikan untuk menentukan hala tuju dan penambahbaikan yang akan dibuat kepada Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan ini. Panduan ini akan diuji cuba kepada Jabatan pada tahun berikutnya. Perkara ini juga perlu diteliti dan dibincangkan dgn agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MOF) bagi tujuan pelaksanaan dan peluasan kepada semua agensi kerajaan.

Di bawah **Aktiviti 3: Penubuhan Pusat Kecemerlangan KKP (COE) Dalam Bentuk Penyusunan Penjawatan SME JKKP Ke Dalam Satu Bahagian Khusus,** satu Model Penubuhan COE JKKP dan cadangan Struktur COE di JKKP telah disediakan dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia melalui Desktop Study Penyediaan Model Penubuhan COE JKKP. Model Penubuhan COE JKKP ini telah dimajukan kepada Jawatankuasa Penstrukturan Semula Organisasai (JPSO) Jabatan.

**Aktiviti 4** ialah **Meneruskan Pemberian Insentif dan Pengiktirafan kepada Majikan dan Pekerja yang Cemerlang dalam Mematuhi Perundangan berkaitan KKP,** di mana diharapkan agar insentif dan pengiktirafan akan menggalakkan para pekerja dan industri untuk bersaing untuk mematuhi peruntukan-peruntukan KKP. Di antara insentif yang dicadangkan ialah:

(a) pemberian Sijil Penghargaan Khas kepada Penyelaras KKP di Sektor Awam yang tercalon dalam Anugerah KKP Negara;

(b) pewujudan Kategori Khas untuk Sektor Awam berasaskan Teknologi dan Inovasi di dalam Anugerah KKP Negara; dan

(c) pemberi Pengiktirafan kepada Penyelaras KKP Sektor Perkhidmatan Awam untuk keperluan Pendaftaran Pegawai KKP.

Cadangan kertas kerja untuk ketiga-tiga insentif tersebut telah disediakan dan telah dihantar ke pengurusan tertinggi Jabatan.



Mesyuarat Pembangunan Draf Dasar KKP Sektor Awam telah diadakan di Port Dickson pada 10-13 Oktober 2023



Bengkel Focus Group Discussion Panduan KKP Dalam Perolehan Kerajaan Bersama Kementerian/ Jabatan/Agensi/Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan telah diadakan di NIOSH Bandar Baru Bangi, Selangor pada 20 Oktober 2023 dihadiri oleh
En. Bahrudin bin Mamat, Timbalan Ketua Pengarah (Keselamatan Pekerjaan) dan
Ir. Ts. Dr. Majahar bin Abd Rahman, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Pekerjaan)

# TS 1 PROGRAM 4
## TRANSFORMASI PENGUATKUASAAN KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 4: TRANS-FORMASI PENGUAT-KUASAAN KKP** | A1 | Menguatkuasakan undang-undang secara intensif bagi sektor kritikal | 100% | 13% | 20% | 20% | 0% | 0% | 53% |
| | A2 | Memperkasa teknologi KKP | 100% | 13% | 20% | 20% | 0% | 0% | 53% |
| | A3 | Menambah kompetensi dan pengetahuan penguatkuasa | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A4 | Mewujudkan pelan strategik promosi KKP | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **16%** | **20%** | **20%** | **0%** | **0%** | **56%** |

**Program 4: Transformasi Penguatkuasaan KKP** mensasarkan agar Jabatan merombak halatuju penguatkuasaan KKP kepada sektor dan kaedah yang lebih efisien dan efektif dan terdiri daripada empat (4) aktiviti. Di bawah **Aktiviti 1: Menguatkuasaan Undang-Undang secara Intensif bagi Sektor Kritikal,** penguatkuasaan KKP diteruskan kepada sektor-sektor kritikal seperti sektor pengilangan, pembinaan, pelombongan dan penguarian, serta pertanian.

Di samping itu, sebanyak lima (5) siri penguatkuasaan bersepadu di bawah KSM bersama Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), *Human Resource Development Corporation* (HRD Corp) dan Cawangan Kawalselia Penguatkuasaan KSM telah diadakan di Sabah, Kelantan, Sarawak, Kedah dan Johor. Selain daripada itu, sektor lif juga diberikan tumpuan di mana Panduan Ambil Alih Senggeraan Lif dan Eskalator (2020) telah dipinda dan ditambah baik.

Di bawah **Aktiviti 2: Memperkasa Kaedah dan Teknologi Penguatkuasaan KKP,** Makmal *Augmented Reality* dan *Virtual Reality* telah dibangunkan untuk menggabungkan aspek teknologi ke dalam siasatan insiden-insiden KKP. Di samping itu, konsep *Enforcement Uniformity Model* (EUM) telah dianalisis semula untuk diterapkan kepada AKKP 1994 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Sepanjang 2023 juga, beberapa kursus kompetensi telah dianjurkan di bawah **Aktiviti 3: Menambah Kompetensi dan Pengetahuan Penguatkuasa** seperti Kursus

*Non-Instrusive & Remote Digital Visual Inspection,* Kursus Pendakwaan Lanjutan, Kursus Keselamatan Kebakaran, Kursus *Basic Occupational First Aid* dan Kursus Bekerja Selamat Di Dalam Ruang Terkurung.

Selain penganjuran kursus, pegawai JKKP juga telah terlibat dalam pengajian tinggi di peringkat sarjana dan PhD di mana seramai dua (2) orang telah tamat pengajian sarjana dan satu (1) orang telah tamat pengajian PhD.

Pelan Strategik Promosi KKP juga telah dibangunkan di bawah **Aktiviti 4: Mewujudkan Pelan Strategik Promosi KKP** dengan kerjasama pihak Uni-Technologies Sdn. Bhd., Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA. Pelan Strategik ini akan digunakan oleh Unit Komunikasi Korporat dan Seksyen Promosi dan Sumber JKKP sebagai blueprint perancangan promosi KKP Jabatan bagi tahun-tahun mendatang.

# TS 1 PROGRAM 5
## MEMANTAPKAN PENGURUSAN PENGKALAN DATA KKP

| Program | | Aktiviti | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 5: MEMANTAP-KAN PENG-URUSAN PENGKALAN DATA KKP** | A1 | Pewujudan sistem pengkalan data setaraf dengan sistem antarabangsa | 100% | 19% | 20% | 20% | 0% | 0% | 58% |
| | A2 | Menggalakkan pembangunan aplikasi KKP | 100% | 0% | 20% | 20% | 0% | 0% | 40% |
| | A3 | Memperkasa *Virtual OSH Information Centre (VOSHIC)* di laman web JKKP | 30% | 20% | 20% | 6% | 0% | 0% | 46% |
| | | **Keseluruhan** | **77%** | **13%** | **20%** | **15%** | **0%** | **0%** | **48%** |

**Program 5: Memantapkan Pengurusan Pengkalan Data KKP** mensasarkan kepada meningkatkan sistem data Jabatan seiring dengan perkembangan teknologi maklumat terkini. **Aktiviti 1: Pewujudan Sistem Pangkalan Data Setaraf dengan Sistem Antarabangsa** memfokuskan kepada pembangunan dua (2) sistem. Sistem pertama yang dibangunkan ialah Sistem Pelaporan Kemalangan dan Penyakit Pekerjaan Sepusat di antara JKKP dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Sehingga 2023, projek ini telah mencapai 100% daripada keseluruhan projek.

Sistem kedua ialah Sistem Data Geospatial JKKP. Fasa 1 projek ini adalah pemetaan data berkaitan data Kawalan Terhadap Bahaya Kemalangan Besar Dalam Perindustrian (*Control of Industrial Major Accident Hazards – CIMAH*) dan talian paip. Pemantuan sedang dilakukan terhadap *data growth dan system functionality and stability.* Fasa seterusnya akan dilaksanakan pada 2024 hingga 2025.

**Aktiviti 2: Menggalakkan Pembangunan Aplikasi KKP.** Pada 2023, pembangunan Aplikasi KKP di peranti mudah alih (*mobile device*) telah berjaya disiapkan. Aplikasi ini mengandungi lima (5) modul di mana dua (2) modul untuk kegunaan pegawai JKKP semasa menjalankan penguatkuasaan iaitu:

(a) Modul Menjana Bil, Merekod Pemeriksaan Ulangan Jentera dan Pengeluaran Perakuan Kelayakan; dan

(b) Modul Merekod Penguatkuasaan *OSH Workplace Assessment (OSHWA)*.

Manakala tiga (3) lagi modul untuk kegunaan orang awam membuat semakan iaitu:

(a) Semakan Notis;

(b) Semakan Perakuan Kelayakan; dan

(c) Semakan Pengesahan Orang Yang Kompeten (OYK).

Aplikasi ini boleh dicapai melalui MyKKP Mobile (https://mykkp.dosh.gov.my/mobile).

**Aktiviti 3: Memperkasa Virtual OSH Information Centre (VOSHIC) di Laman Web JKKP** pula ialah inisiatif Jabatan untuk menjadikan laman web JKKP lebih berinfomasi dan mudah dilayari oleh pengguna. Cadangan penambahbaikan laman web Jabatan dan penambahbaikan pautan telah dilihat semula dan akan berterusan dari semasa ke semasa.




Laman Utama MyKKP Mobile




Laman Utama Sistem Data Geospatial



# TERAS STRATEGIK 2

# PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

## Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Ts. Hajah Habsah binti Md. Ishak (JKKP)
**Pengerusi Teras Strategik**

Dato' Ahmad Nadzarudin bin Abdul Razak (MEF)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

Pn. Nor Hafizan binti Mat Taib @ Mat Amin
**Urusetia Teras Strategik**

Ir. Mohamad Fazli bin Masri
**Urusetia Nasional**

| **Program 1:** En. Shaharuddin bin Mohd Ali | **Program 2:** En. Zainal bin Said | **Program 3:** En. Mohd Hazlim bin Husain | **Program 4:** Pn. Radin Hanida binti Radin Harun |
|---|---|---|---|
| Pemilikan dan kepimpinan KKP. | Pelaksanaan peraturan kendiri yang sistematik. | Penambahbaikan amalan terbaik KKP | Kesiapsiagaan kawalan kendiri pekerja. |
| **Ahli Jawatankuasa** | | | |
| 1. Mohd Azril bin Ahmad<br>2. Fakrul bin Abdullah<br>3. Mohd Hafiz bin Abd Kadir<br>4. Mohamad Farid bin Ahmad Azam<br>5. Haji Mohd Nizam Bin Abdul Hamid<br>6. Ir. Ts. Dr. Mohamad Xazaquan bin Mansor Ali<br>7. Mohamad Amin bin Harun<br>8. Mohd Isnarnizar bin Ismail | 1. Mohamad Nizam bin Ali<br>2. Muhammad Redzuan bin Razali<br>3. Shahnisfanizam bin Yaacof<br>4. Shamsiah Binti Haji Hussin<br>5. Noor Azwani binti Mohd Nawi<br>6. Nur Amirra binti Mohamed Azaman | 1. Razali bin Shaffiee<br>2. Muhammad Syafaryll bin Abdullah Hashim | 1. Mohd Zamri bin Noruddin<br>2. Chan Kah Wai<br>3. Muhammad Khairuldin bin Adnan<br>4. Rashidah binti Hamdan |

**Ahli Jawatankuasa Luar**

PERKESO, FMM, NIOSH, MTUC, Perbadanan Perpustakaan, JTK, (Persatuan SHO, MBAM, CEUPECS, MSOSH, MyFOSH)

# TERAS STRATEGIK 2

# PENGUKUHAN AMALAN PERATURAN KENDIRI DI TEMPAT KERJA

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 6% | 24% | 21% | 0% | 0% | 100% | 51% |
| P2 | 9% | 24% | 19% | 0% | 0% | 91% | 52% |
| P3 | 7% | 25% | 22% | 0% | 0% | 86% | 54% |
| P4 | 30% | 18% | 18% | 0% | 0% | 100% | 65% |
| **Keseluruhan** | **12%** | **23%** | **20%** | **0%** | **0%** | **94%** | **55%** |

Pada tahun 2023, keseluruhan aktiviti telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Jawatankuasa kerja ST2 sentiasa komited untuk memastikan semua program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya untuk memastikan majikan dan pekerja dapat bekerja di dalam persekitaran kerja yang selamat, sihat dan kondusif selari dengan harapan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana OSHMP 25.

Alhamdulilah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. ST2 mencapai kumulatif (2021-2025) adalah sebanyak 55% dan pencapaian tahun semasa (2023) adalah 94%. Kita telah berjaya menjalankan program–program dibawah;

i. Program Latihan Train the Trainer “Modul OSH Leadership for Top Management” kepada Industri
ii. Program Latihan “Modul OSH Leadership for Top Management” kepada Industri
iii. Program Coaching MOVE kepada Syarikat dan pegawai JKKP Negeri (3 Zon)
iv. Pertandingan tahunan amalan Terbaik KKP (OSH Best Practice) Peringkat Kebangsaan
v. Pertandingan tahunan amalan Terbaik KKP (OSH Best Practice) Negeri Johor
vi. Bengkel Penyediaan Kajiselidik Keberkesanan Modul Kursus Induksi KKP (CIM-OSH modul) dari pekerja
vii. Seminar Virtual Kerja Selamat Kita Selamat kepada pekerja - Membudayakan mindset bekerja tanpa kemalangan
viii. Perkhidmatan Pembekalan Bahan Promosi Program Khas Kerja Selamat Kita Selamat bagi Nota Bimbingan OSH Click (6 bahan)

Semua bengkel dan program berjaya dijalankan dengan melibatkan peruntukan pembangunan sebanyak RM 121,000.00. Secara keseluruhannya, Program-program yang telah dijalankan di bawah ST 2 telah mencapai sasaran dan melibatkan pihak penguasa, majikan dan pekerja yang mana mereka adalah tonggak kepada pengukuhan amalan peraturan kendiri selari dengan objektif 4 keberhasilan ST2.

# TS 2 PROGRAM 1
## PEMILIKAN DAN KEPIMPINAN KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| Program 1: PEMILIKAN DAN KEPIMPINAN KKP | A1 | Menyeimbangkan elemen keselamatan, kesihatan kualiti dan produktiviti oleh majikan untuk pemilikan KKP | 100% | 1% | 24% | 23% | 0% | 0% | 48% |
| | A2 | Memperkenal amalan KKP cemerlang di kalangan pengurusan tertinggi di dalam polisi korporat | 100% | 25% | 31% | 11% | 0% | 0% | 68% |
| | A3 | Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui komunikasi berkesan bagi mengukuhkan budaya KKP | 100% | 0% | 18% | 28% | 0% | 0% | 45% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **6%** | **24%** | **21%** | **0%** | **0%** | **51%** |

Aspek utama yang penting bagi menjamin amalan dan pembudayaan KKP di tempat kerja adalah pemilikan dan kepimpinan KKP oleh majikan itu sendiri. Dengan wujudnya rasa pemilikan terhadap KKP oleh pihak majikan, maka seluruh usaha ke arah pelaksanaan KKP di tempat kerja akan dapat dilaksanakan dengan mudah dan berkesan.

Keperluan kewangan tertentu juga dapat disediakan dengan mudah hasil persetujuan semua peringkat pengurusan yang berkomitmen. Pelbagai aktiviti KKP juga dapat dilaksanakan dengan mudah jika mendapat komitmen daripada pihak majikan. Kepimpinan KKP di pihak majikan termasuklah memantau, menilai, dan menambahbaik sistem KKP dari semasa ke semasa. Pelbagai aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan secara bersama dengan pekerja dengan wujudnya komunikasi yang berkesan, harmoni dan di dalam suasana musyawarah.

Terdapat 3 aktiviti utama di dalam Program 1, antara Aktiviti Program 1 adalah:-

1. Menyeimbangkan elemen keselamatan, kesihatan, kualiti, dan produktiviti oleh majikan untuk pemilikan KKP.
2. Memperkenal amalan KKP cemerlang di kalangan pengurusan tertinggi di dalam polisi korporat.
3. Meningkatkan kerjasama antara majikan dan pekerja melalui

komunikasi berkesan bagi mengukuhkan budaya KKP.

Manakala keberhasilan daripada Program 1 adalah:-

1. Pemilikan amalan KKP di pihak majikan.
2. Peningkatan kecekapan pengurusan KKP oleh majikan
3. Pelaksanaan KKP di tempat kerja yang sistematik dan berkesan.

Program dan aktiviti yang telah dijalankan menerusi Program 1 pada tahun 2023 adalah Kursus Train the Trainer (TTT) untuk Modul *OSH Leadership for Top Management, Program Executive Talk OSH Leadership for Top Management* Di Bawah Teras Strategik 2 Program 1 OSHMP 2025 – Pemilikan Dan Kepimpinan KKP, ceramah konsep elemen Peraturan Kendiri dan promosi persijilan ISO 45001: 2018 kepada organisasi.

Kursus *Train the Trainer* (TTT) untuk Modul OSH Leadership for Top Management telah diadakan pada 5 – 6 September 2023 di Palm Garden Golf Club, IOI Resort City, Putrajaya dan telah dirasmikan oleh Pengerusi Bersama Teras Strategik 2, Ts. Hjh. Habsah Binti Md Ishak. Program ini dijalankan bagi memberikan latihan dan penjelasan kepada bakal penceramah (trainer) mengenai topik-topik yang terdapat di dalam Modul *OSH Leadership for Top Management* di mana ianya perlu disampaikan ketika program *OSH Leadership for Top Management.* Disamping itu, ia menjadi platform untuk bertukar pandangan di antara bakal penceramah (trainer) berkaitan topik-topik yang akan disampaikan kelak. Tenaga pengajar bagi kursus ini terdiri daripada mereka yang terlibat dalam penyediaan dan pembangunan modul OSH *Leadership for Top Management* yang merupakan wakil dari pihak industri yang juga adalah rakan Teras Strategik OSHMP 2025 seperti MEF, NIOSH, MSOSH, FMM, TNB, MBAM, SME Association of Malaysia dan NGO seluruh negara.

Program *Executive Talk OSH Leadership for Top Management* telah diadakan pada 9 November 2023 di Holiday Inn Express Kuala Lumpur City Centre dan telah dirasmikan oleh Pengerusi Bersama Teras Strategik 2, Ts. Hjh. Habsah Binti Md Ishak. Sesi ini dijalankan bersama pihak MSOSH Academy Sdn Bhd kerana pihak MSOSH salah satu dari rakan Teras Strategik OSHMP 2025. Tujuan program ini dijalankan adalah bagi memberikan pemahaman dan penjelasan kepada pihak pengurusan tertinggi sesebuah organisasi mengenai Modul *OSH Leadership For Top Management.* Program ini melibatkan peserta seramai 120 orang dari pihak pengurusan tertinggi yang terdiri dari CEO, COO, CFO, MD, GM dan sebagainya. Peserta-peserta bagi sesi adalah melibatkan organisasi/syarikat yang berdaftar dengan pihak Jabatan seperti kontraktor petroleum, firma yang kompeten lif, mesin angkat, pembuat dandang dan bejana tekanan tidak berapi dan turut melibatkan syarikat-syarikat yang berstatus industri kecil dan sederhana (IKS). Penceramah bagi program ini terdiri daripada mereka yang telah mengikuti kursus Train The Trainer (TTT) Modul OSH Leadership For Top Management. Dengan perlaksanaan Program *Executive Talk OSH Leadership For Top Management* ini yang dihadiri oleh pihak Pengurusan Tertinggi syarikat, ianya akan dapat meningkatkan lagi kesedaran dan pengetahuan tentang kepentingan sifat-sifat Kepimpinan dan Pemilikkan KKP di kalangan majikan dan seterusnya akan memperkasakan dan memertabatkan industri dalam aspek KKP di negara kita.

Selain itu, JK Program 1 juga telah terlibat didalam Program *"Understanding OSH*

*(Amendment) Act 2022 And The Implementation of Effective Self-Regulatory OSH Management System"*- Anjuran Bersama MEF - PERKESO di Bawah Bantuan Kewangan Bagi Program Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2023. Tujuan program adalah untuk memberi penerangan kepada ahli-ahli MEF agar cakna dengan perkembangan terbaru berkaitan perundangan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang akan dikuatkuasa oleh pihak kerajaan dan cara menguruskan isu-isu KKP mengikut konsep Pematuhan-Kendiri yang bertujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan kerja dan pelaksanaan KKP di tempat kerja. Sekaligus dapat mengukuhkan Budaya Kerja Selamat Dan Pencegahan Kemalangan Di Tempat Kerja. Di dalam program ini, ahli JK Program 1 iaitu En. Mohd Hafiz Bin Abd Kadir telah dijemput untuk memberikan ceramah berkenaan Modul 2 : *Self-Regulatory Framework Based on OSHMP* 2025. Sebanyak 2 sesi program telah dijalankan iaitu pada 15 Ogos 2023 di Hotel Eastin Petaling Jaya dan pada 8 November 2023 di Hotel Hilton, Petaling Jaya.

JK Program 1 turut menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Standard Malaysia (JSM) dalam usaha untuk menggalakkan persijilan ISO 45001: 2018 di kalangan industri. Antara kerjasama yang telah dijalankan adalah penglibatan pihak Jabatan Standard Malaysia (JSM) di dalam proses pembangunan Modul OSH *Leadership For Top Management* (topik OSHMS ISO 45001:2008). Topik OSHMS ISO 45001:2008 telah disampaikan kepada peserta semasa sesi Program *Executive Talk OSH Leadership for Top Management* sebagai salah satu medium penerangan dan promosi bagi menggalakkan syarikat intuk mendapatkan persijilan ISO 45001: 2018.





En. Mohd Hafiz Bin Abd Kadir sedang memberi ceramah pada Program "Understanding OSH (Amendment) Act 2022 And The Implementation Of Effective Self-Regulatory OSH Management System" anjuran Bersama MEF - PERKESO



En. Mohd Yusre Mohd Yusoff daripada Tenaga Nasional Berhad sedang memberi ceramah bertajuk Top Management Ownership & Self-Regulation (SR) Policy




Ketua Program 1, Teras Strategik 2, En. Shaharuddin Bin Mohd Ali sedang memberi ceramah bertajuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP) Pindaan 2022




Peserta kursus Train The Trainer (TTT) untuk Modul OSH Leadership For Top Management




Ucapan Aluan Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management oleh En Ahmad Fakhrul Anuar Bin Ismail, Presiden MSOSH




Ucapan perasmian Program Executive Talk OSH Leadership For Top Management oleh Ts. Hjh Habsah Bt Md Ishak, Pengerusi Bersama Teras Strategik 2 OSHMP 25



Sesi Soal Jawab

Panel (dari kiri): En. Mohamad Aliasman Bin Morshidi, Tn Hj Zulkifly Bin Sulaiman dan En. Ahmad Nazmi Bin Mohamed Ali

Moderator: En. Fakrul Bin Abdullah



Gambar sekitar perjalanan program Executive Talk OSH Leadership for Top Management

## TS 2 PROGRAM 2
## PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: PELAKSANAAN PERATURAN KENDIRI YANG SISTEMATIK** | A1 | Melaksanakan penilaian kendiri dalam organisasi bagi permasalahan semasa dan masa akan datang | 100% | 28% | 33% | 18% | 0% | 0% | 78% |
| | A2 | Menyediakan sistem sokongan merangkumi jangkauan kepada maklumat bagi permasalahan yang berkaitan dengan KKP | 63% | 3% | 20% | 13% | 0% | 0% | 35% |
| | A3 | Menggalakkan keperluan KKP dalam perjanjian, kontrak kerajaan dan syarat lesen | 100% | 0% | 25% | 25% | 0% | 0% | 50% |
| | A4 | Mempertingkatkan kesedaran berkaitan KKP melalui perkongsian pengalaman pengurusan KKP di dalam semua | 100% | 12% | 20% | 20% | 0% | 0% | 52% |
| | **Keseluruhan** | | **91%** | **9%** | **24%** | **19%** | **0%** | **0%** | **52%** |

Penambahbaikan platform pelaporan penilaian digital *Occupational Safety and Health Work Place Assessment* (OSHWA) dilaksanakan untuk membantu organisasi menilai dengan lebih mudah dan memberi keputusan yang lebih menyeluruh berkenaan tahap Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) di premis mereka. Sebanyak 3861 organisasi telah mengambil manfaat dengan menggunakan platform tersebut pada tahun 2023.

Bagi memudahkan organisasi mendapatkan sumber maklumat mudah berkaitan KKP, kerjasama dengan Perbadanan Perpustakaan Melaka (PERPUSTAM) diteruskan dan sebanyak 228 lembar bacaan berkaitan KKP telah ditambah di perpustakaan tersebut bagi tahun 2023.

Pengurusan KKP yang baik dan teratur adalah sangat penting bagi sebuah organisasi. Ianya bukan sahaja untuk memastikan produktiviti yang tinggi dan berkualiti tetapi juga semakin perlu untuk menaikan imej organisasi tersebut. Pengurusan KKP perlu ditangani termasuk diperingkat vendor dan sub-kontraktor yang terlibat dengannya. Oleh itu, program *Managing OSH Through Vendor*

*and Enterpreneurs* diteruskan pada tahun 2023. Program Coaching telah dijalankan bagi tiga zon iaitu Zon Tengah (Kuala Lumpur), Zon Selatan (Johor) dan Zon Utara (Pulau Pinang) dan sebanyak 45 syarikat induk terlibat. Hasil dari program ini pada tahun 2023 sebanyak lebih dari 550 vendor dan sub-kontraktor telah terkesan dengan perlaksanaan program yang telah dijalankan oleh syarikat induk.

Perkongsian pengalaman di antara organisasi dapat menjadi pemangkin bagi meningkatkan prestasi pengurusan KKP organisasi. Organisasi yang telah berjaya mensyaratkan keperluan KKP dalam kontrak berkongsi pengalaman bagi membantu organisasi lain melaksanakan perkara yang sama. Sebanyak 10 sesi perkongsian antara organisasi telah berjaya diatur pada tahun 2023.



Program Coaching MOVE Zon Tengah-Top Management



Pemantauan Program MOVE Plus, Petronas PD&T



Program Coaching MOVE Zon Selatan




Audit Vendor TNB Bahagian Grid untuk Program MOVE

# TS 2 PROGRAM 3
## PENAMBAHBAIKAN AMALAN TERBAIK KKP MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: PENAMBAH-BAIKAN AMALAN TERBAIK KKP MENERUSI INTERVENSI DI TEMPAT KERJA** | A1 | Pengumpulan intervensi pencegahan kemalangan secara holistik dengan libatsama pekerja | 86% | 7% | 25% | 22% | 0% | 0% | 54% |
| | **Keseluruhan** | | **86%** | **7%** | **25%** | **22%** | **0%** | **0%** | **54%** |

Jumlah terkumpul intervensi / amalan terbaik KKP bagi tempoh tiga tahun pertama (2021 – 2023) adalah 738 unit iaitu pencapaian 65% daripada sasaran 1,000 unit di akhir tahun 2025. Tahun ini menunjukkan penurunan bilangan penghantaran intervensi daripada industri. Sebaliknya, 3 pertandingan dirancang pada tahun ini. Pertandingan peringkat nasional dan peringkat negeri Johor berjaya dijalankan manakala pertandingan peringkat negeri Terengganu ditunda atas sebab teknikal.

Pertandingan dilancar pada 28 April 2023 semasa pelancaran Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan SeDunia (World OSH Day)




**Pemenang Pertama:**

Kerry Ingredients (M) Sdn. Bhd. (SLK 8875),

Tema Amalan Terbaik KKP – Penggunaan lampu keselamatan pada forklift/reachtruck sebagai penandaan zon operasi.

**Pemenang Kedua:**

Tenaga Nasional Berhad (TNB Grid Maintenance South)

Tema Amalan Terbaik KKP – SAFETY MATTERS VERSION

**Pemenang ketiga :**

FGV Palm Industries Sdn. Bhd. (Kilang Sawit Waha) JH/04/01/923

Tema Amalan Terbaik KKP – Pengadaan Penutup Coveyor dan Cut-Off Sensor.




**Pemenang Pertama:**

Genting Plantations Berhad, Ladang Tanah Merah, Tangkak, Johor

Tema Amalan Terbaik KKP – Penggunaan 'Monospray' bagi aktiviti meracun.

**Pemenang Kedua :**

Genting Plantations berhad, Ladang Seri Gading, Batu Pahat

Tema Amalan Terbaik KKP – Penggunaan 'e-cutter' bagi aktiviti menuai.

**Pemenang ketiga :**

Genting Plantations Berhad, Ladang Sungei Rayat, Batu Pahat

Tema Amalan Terbaik KKP – Pengadaan 'mixing table' bagi membancuh racun.




Pengumuman dan Penyampaian Hadiah Pemenang Pertama Amalan Terbaik KKP 2023 Peringkat Kebangsaan Sempena Majlis Penutup DOSH 1648K VITUAL STEPS CHALLENGE BERSAMA INSDUSTRI

1 November 2023, Putrajaya

Hadiah disampaikan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia,




Pengumuman dan penyampaian hadiah kepada pemenang di Majlis Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Peringkat Negeri Johor, 31 Julai 2023 – Ladang Seri Gading, Batu Pahat

Hadiah disampaikan oleh Pengarah JKKP Johor, En. Husdin bin Che Amat kepada semua pemenang

# TS 2 PROGRAM 4
## KESIAPSIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 4: KESIAP-SIAGAAN KAWALAN KENDIRI PEKERJA** | A1 | Meningkatkan keberkesanan kursus induksi sedia ada bagi pekerja dan memastikan pekerja mempunyai asas KKP dari segi pengetahuan, kemahiran, pendedahan, dan latihan. | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A2 | Program Khas Peraturan kendiri pekerja | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A3 | Memantapkan KKP kepada pengurusan pekerja asing | 100% | 50% | 100% | 13% | 0% | 0% | 75% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **30%** | **18%** | **18%** | **0%** | **0%** | **65%** |

Pada tahun 2023, Program 4 telah melaksanakan tiga (3) aktiviti seperti di bawah:

Aktiviti 1 : Seminar Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Peraturan Kendiri Majikan dan Pekerja – Kesiapsiagaan Kawalan Kendiri Pekerja

Tema: Membudayakan Mindset Bekerja Tanpa Kemalangan




Program ini telah berlangsung pada 13 September 2023 secara maya dari mini studio, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor Bahru, Johor dengan kehadiran 3,096 orang peserta dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Majlis perasmian telah disempurnakan secara maya oleh YBrs. Ir. Hj. Mohd. Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP Malaysia. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh YBhg. Dato Ahmad Nadzarudin Abd Razak, Pengerusi Bersama Teras Strategik 2.

Program kali ini telah diisi dengan sesi pembentangan lima (5) kertas kerja oleh pembentang-pembentang daripada JKKP, MSOSH, NIOSH, SWKRG-SHE dan PERKESO, serta sesi dialog dengan panelnya terdiri daripada wakil JKKP Johor, MEF dan Syarikat Giant Leap Construction Sdn Bhd.

Aktiviti 2: Bahan Promosi Program Khas Kerja Selamat, Kita Selamat Bagi Nota Bimbingan "OSH Click"

Pelaksanaan aktiviti pembekalan bahan promosi program khas Kerja Selamat Kita Selamat bagi Nota Bimbingan "OSH Click" yang mudah difahami, praktikal untuk diamalkan dan sesuai digunakan pada masa kini bagi sektor pekerjaan kritikal. Sebanyak enam (6) poster berikut telah dibangunkan dan dicetak untuk diedar kepada pejabat JKKP Negeri, SRG-SHE, MEF, SWKRG-SHE, MIHA, MSOSH, NIOSH dan NRG-SHE.

| TOPIK | SEMAKAN |
|---|---|
| Hak Anda sebagai Pekerja di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2022<br>**"Tanggungjawab & Hak Pekerja"** | BDAPP |
| Bekerja di Tempat Tinggi<br>**"Panduan Pekerja BEKERJA DI TEMPAT TINGGI"** | BKTB |
| Pendedahan terhadap Bunyi Bising<br>**"Pendedahan Bising Berlebihan semasa Bekerja"** | BHIE |
| Pendedahan terhadap Bahan Kimia<br>**"Anda perlu bersedia apabila bekerja dengan BAHAN KIMIA BERBAHAYA"** | BPK |
| Ergonomik<br>**"Cegah Sakit Belakang dengan Teknik Mengangkat Beban yang Selamat"** | BHIE |
| Kelengkapan Pelindung Diri<br>**"Kelengkapan Pelindung Diri (KPD)"** | BHIE |

Aktiviti 3: Kajiselidik Data Keberkesanan Kursus Induksi

Bengkel Penyediaan Kajiselidik Keberkesanan Modul Kursus Induksi KKP (CIM-OSH modul) oleh pihak NIOSH berlangsung pada 7 dan 8 November 2023. Dua (2) sektor iaitu sektor pembinaan dan sektor pembuatan daripada empat (4) sektor kritikal telah dipilih untuk kajiselidik pada bengkel tersebut. Laporan dan dapatan awal serta cadangan action plan daripada bengkel ini dijangka akan dibentangkan oleh pihak NIOSH pada awal tahun 2024.

Aktiviti 4 : Pemantapan KKP kepada Pekerja Asing

Seramai 6,701 orang pekerja asing telah diberi latihan dalam pelbagai skop KKP melalui Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berdasarkan data terkumpul bulan Januari hingga Ogos 2023. Modul yang digunakan adalah program Passport Keselamatan NIOSH dan modul terkini Foreign Workers Safety Induction (FWSI).

# TERAS STRATEGIK 3

# PENGGALAK PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP

## Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Ir. Ts. Hazlina binti Yon (JKKP)
**Pengerusi Teras Strategik**

Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar (KPT)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

Dr. Rabaayah binti Daud (JKKP)
**Timbalan Pengerusi**

Pn. Nurul Fatimah Bayah binti Haron
**Urusetia Teras Strategik**

En. Zulkifli bin Abdullah
**Urusetia Nasional**

| **Program 1:** Ir. Mokhtar bin Sabtu | **Program 2:** En. Zaidi bin Md Zain | **Program 3:** Dr. Rabaayah binti Daud |
|---|---|---|
| Meningkatkan kesedaran, pendidikan dan libatsama komuniti dalam KKP | Kompetensi dan keupayaan KKP di tempat kerja | Membudayakan penyelidikan dan pembangunan KKP |

### Ahli Jawatankuasa Dalaman

**Program 1**

1. Dr. Pravind Kumar A/L Nagalingam
2. Pn. Hazeha binti Abdullah
3. En. Mohd Hairul bin Mat Husin
4. Pn. Khairunnisa binti Mat Rapah
5. Pn. Farahana binti Mohd Yusoff
6. Pn. Norhidayah binti Nazammudin
7. En. Muhammad Amirul Luttfi bin Mohamad Amir
8. Pn. Nur Zulaikha binti Zainal Abidin
9. En. Md. Bazli Izzuddin bin Mohamed
10. Pn. Mazni binti Abd Rani
11. Pn. Izaan Marina binti Mohd Aluwi

**Program 2**

1. Dr. Rajinderjit Singh Hullon
2. Dr. Muhd Zafran Bin Shamsudin
3. Cik Nur Shuhada binti Jusoh
4. Pn. Laila binti Che Long
5. En. Wan Mohd Hafizan bin Wan Razali
6. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori

**Program 3**

1. Ir. Mohammad Fadzil bin Abd. Manap
2. En. Wan Aminnudin bin Wan Ismail
3. Pn. Syarifah Nurol binti Syed Khairuddin
4. Ts. Kasman bin Nasir
5. Ir. Mohd Saiful bin Idris
6. Ts. Ahmad Al-Bakri bin Ahmad Bistari
7. Dr. Najwa binti Mustafa
8. Pn. Siti Nor Nadirah binti Mohamad

### Ahli Jawatankuasa Luar

1. Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar (KPT)
2. Pn. Normazwin binti Yahya (KPM)
3. En. Cyril Christopher Singham (KPM)
4. En. Saiful Suhairi bin Suarni (ASM)
5. En. Aminuddin Bin Awang (NUTP)
6. En. Mohd Fariza bin Mat Noor (MARDI)
7. Dr. Mohd Faizal bin Tokeran (JPK)
8. Ts. Dr. Ismaniza Ismail (MIHA)
9. Ass Prof Dr. Mimi Haryani Hassim (UTM)
10. Ir. Haji Saiful Azhar bin Mohd Said (Persatuan Bekas Kakitangan JKKP)
11. Dr. Priya Ragunath (KKM)
12. En. Mohd Aliasman bin Morshidi (MSOSH)
13. Dr. Suriati Zainal Abidin (MPC)
14. Ts. Hj. Mohd Esa bin Hj. Baruji (NIOSH)

# TERAS STRATEGIK 3

# PENGGALAK PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN KKP

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 15% | 18% | 17% | 0% | 0% | 85% | 49% |
| P2 | 14% | 20% | 20% | 0% | 0% | 100% | 54% |
| P3 | 5% | 20% | 31% | 0% | 0% | 96% | 57% |
| **Keseluruhan** | **11%** | **19%** | **23%** | **0%** | **0%** | **94%** | **53%** |

Teras Strategik 3 merupakan salah satu teras di bawah OSHMP25 yang dibangunkan bagi menggalakkan pendidikan dan penyelidikan dalam Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang bermutu tinggi bagi menjamin kelangsungan agenda KKP negara. Pelaburan dalam pendidikan dan penyelidikan KKP harus dipertingkatkan bagi mewujudkan majikan dan pekerja yang komited dalam merealisasikan agenda KKP demi kelestarian sektor pekerjaan negara. Selain itu, komitmen terhadap pembangunan modal insan (human capital) perlu diperteguh demi memastikan para majikan dan pekerja terus mendapat ilmu dan kemahiran yang mencukupi untuk pengamalan KKP yang berkesan dalam tugas harian. Manakala penyelidikan pula akan terus memacu kelestarian agenda KKP negara dengan adaptasi unsur teknologi terkini sesuai dengan era Revolusi Industri 4.0.

Sehubungan itu, objektif utama Teras Strategik 3 adalah meningkatkan bilangan program latihan dan sesi libat urus KKP yang melibatkan bakal pekerja, pekerja, majikan dan komuniti serta NGO. Selain itu, Teras Straegik 3 juga berperanan dalam membentuk dan menghasilkan golongan pelaksana, pembimbing dan professional KKP yang kompeten dan berkemampuan di samping meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan KKP yang berfokus, menyeluruh, inovatif dan menghasilkan kaedah sistematik atau produktif.

Secara keseluruhannya pencapaian Teras Strategik 3 adalah 94% daripada sasaran bagi tahun semasa manakala secara kumulatif telah mencapai sebanyak 53%. Sepanjang tahun 2023, program 2 telah merekodkan pencapaian tertinggi iaitu sebanyak 100%, manakala program 1 dan 3 telah mencatatkan pencapaian masing-masing sebanyak 85% dan 96%.

Pelaksanaan aktiviti di setiap Program di bawah Teras Strategik yang telah dirancang akan rancak dilaksanakan pada tahun berikutnya bagi mencapai objektif khususnya Teras Strategik 3 dan amnya OSHMP25.

# TS 3 PROGRAM 1
## MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM PENDIDIKAN

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| Program 1: MENINGKATKAN KESEDARAN, PENDIDIKAN DAN LIBATSAMA KOMUNITI DALAM KKP | A1 | Menerapkan latihan asas KKP di sekolah dan institusi pendidikan untuk bakal pekerja | 100% | 10% | 18% | 10% | 0% | 0% | 50% |
| | A2 | Mempertingkat-kan pembelajaran berterusan KKP untuk pekerja | 55% | 13% | 14% | 11% | 0% | 0% | 38% |
| | A4 | Meningkatkan libatsama komuniti bagi keselamatan dan kesihatan kepada orang awam melalui media sosial atau apa-apa medium | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | **Keseluruhan** | | **85%** | **15%** | **18%** | **17%** | **0%** | **0%** | **49%** |

Bagi meningkatkan kesedaran, pendidikan dan libatsama komuniti dalam KKP, tiga aktiviti utama bagi Program 1 yang melibatkan tujuh mekanisma pelaksanaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023. Antara program yang telah dilaksanakan dibawah Program 1 adalah seperti berikut:

1) Sesi libat urus Bersama Universiti Teknologi Malaysia yang telah dijalankan pada 28 Mei 2023 bagi membangunkan dan melaksanakan modul keselamatan makmal dan bengkel di Institusi Pendidikan Malaysia.
2) Sesi Libat Urus Bersama Universiti Putra Malaysia telah dijalankan pada 22 Jun 2023. Tujuan program ini adalah untuk membangunkan modul Induksi KKP yang akan dilaksanakan bagi pendaftaran mahasiswa baharu tahun 2024.
3) Sesi libat urus bersama Kementerian Pendidikan Malaysia telah dijalankan pada 5 Julai 2023. Sesi ini diadakan bagi mendapat pandangan dan maklum balas pelaksanaan penubuhan Kelab KKP di sekolah rendah dan menengah.
4) Penerbitan videografik perancangan karier untuk personel KKP bagi tujuan hebahan kepada semua golongan pekerja, bakal pekerja, dan pelajar-pelajar institusi

pendidikan tinggi di seluruh negara. Videografik ini telah dimuatnaik di laman sesawang Jabatan dan laman sosial Jabatan pada 21 Ogos 2023.

5) Memuatnaik E-banner ‘Pelaporan Program/ Ceramah / Kursus Peningkatan Kesedaran KKP kepada pekerja secara dalam talian di muat naik di dalam laman sesawang Jabatan pada 21 September 2023. Pelaporan ini bertujuan untuk mengumpul data pelaporan bagi kempen, ceramah KKP dan sesi dialog yang disampaikan oleh industri kepada pekerja.

6) Lawatan dan latihan praktikal pentaksiran risiko di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato’ Seri Kamaruddin (Sekolah Angkat TNB Janamanjung Sdn Bhd, Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah) yang telah melaksanakan OSH CLUB in SCHOOL pada 21 September 2023. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kaedah pelaksanaan Kelab KKP dan menjadikannya sebagai penanda aras kepada projek rintis Kelab KKP yang akan dijalankan pada tahun 2024.

7) Bengkel Mekanisma Pelaksanaan dan Penyeragaman Modul Kelab KKP bertempat di Palm Seremban, Negeri Sembilan telah dijalankan pada 1-3 November 2023. Bengkel ini diadakan bagi memurnikan panduan pelaksanaan Kelab KKP, kandungan modul Kelab KKP, penyediaan budget dan pemilihan sekolah rendah dan menengah bagi projek rintis Kelab KKP yang akan dilaksanakan pada tahun 2024.




Aktivti 1 - Sesi Libat Urus Bersama Universiti Teknologi Malaysia pada 28 Mei 2023



Aktiviti 1 - Sesi libat urus Bersama Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) berkaitan penubuhan Kelab KKP di sekolah pada 5 Julai 2023 di Kementerian Pendidikan Malaysia.




Aktiviti 1 - Bengkel Mekanisma Pelaksanaan dan Penyeragaman Modul Kelab KKP bertempat di Palm Seremban, Negeri Sembilan pada 1-3 November 2023.

# TS 3 PROGRAM 2
## KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN KKP DI TEMPAT KERJA

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: KOMPETENSI DAN KEUPAYAAN KKP DI TEMPAT KERJA** | A1 | Meningkatkan bilangan, kompetensi, keupayaan dan keberkesanan OYK dan golongan profesional KKP | 100% | 14% | 20% | 10% | 0% | 0% | 54% |
| | **Keseluruhan** | | **85%** | **14%** | **20%** | **20%** | **0%** | **0%** | **54%** |

Sebagai langkah dalam mencapai objektif program 2 iaitu bagi meningkatkan bilangan, kompetensi, keupayaan dan keberkesanan OYK dan golongan professional KKP, tiga mekanisma pelaksanaan telah dijalankan sepanjang tahun 2023.

Aktiviti 1 dilaksanakan melalui "Sesi Libat Urus Bersama Dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)" yang dijalankan pada 5 Mei 2023. Objektif program ini adalah bagi membincangkan mengenai kaedah perlaksanaan pemantauan terhadap Penyedia Latihan Berdaftar dan juga Tenaga Pengajar. Seterusnya, Bengkel Pemurnian Modul Tambahan berkaitan *Occupational Health* (OH) telah dilaksanakan secara dalaman pada 31 Mei 2023 bertempat di JKKP Ibu Pejabat. Tujuan bengkel ini adalah untuk membangunkan satu (1) outline bagi sub topik generik Occupational Health (OH).

Selain itu, Bengkel *International Benchmarking on OSH Competency* bersama-sama dengan pihak pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan telah dijalankan pada 12 dan 13 September 2023 di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC). Program ini dijalankan untuk membuat perbandingan modul di antara kompetensi-kompetensi di dalam negara dengan modul yang terdapat di luar negara dan seterusnya membuat analisa jurang (*gaps analysis*) serta mencadangkan beberapa penambahbaikan yang akan dipraktikkan. Gambar 1 dan gambar 2 adalah program yang dijalankan bagi Aktiviti 1.




Aktiviti 1 - Sesi Libat Urus Bersama dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) pada 5 Mei 2023

# TS 3 PROGRAM 3
## MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KKP** | A1 | Memasukkan KKP sebagai satu bidang keutamaan dalam kerangka penyelidikan dan pembangunan negara | 100% | 0% | 25% | 25% | 0% | 0% | 50% |
| | A2 | Menyelaraskan aktiviti penyelidikan KKP untuk semua universiti/pusat penyelidikan | 92% | 11% | 16% | 37% | 0% | 0% | 63% |
| | **Keseluruhan** | | **96%** | **5%** | **20%** | **31%** | **0%** | **0%** | **57%** |

Program 3 di bawah Aktiviti 1 adalah untuk memasukkan KKP sebagai bidang keutamaan dalam kerangka penyelidikan dan pembangunan negara. Sehubungan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah melancarkan Malaysia Grand Challenge (MGC), di mana KKP adalah merupakan satu bidang yang telah dikenalpasti di bawah bidang Sains Gunaan dan Teknologi. Permohonan dana bagi penyelidikan boleh dibuat di bawah kategori Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran.

Bagi Aktiviti 2 Mekanisme 2 iaitu menyelaras aktiviti penyelidikan untuk pusat penyelidikan dan universiti, 4 buah universiti dipilih iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) termasuk Institut Penyelidikan Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH) telah diaudit pada 16 Oktober hingga 1 November 2023. Objektif program ini adalah untuk mengiktiraf pusat penyelidikan dan universiti tersebut sebagai Pusat Kecemerlangan KKP Negara (NOSH-COE). Satu pelaporan berkenaan laporan kepakaran, frasarana dan kapasiti bagi 5 pusat penyelidikan/ universiti yang diiktiraf sebagai NOSH-COE disediakan. Gambar 1 hingga 4 menunjukkan program yang dijalankan bagi Aktiviti 2 Mekanisme 2.

Seterusnya bagi Aktiviti 2 Mekanisme 3, satu libat urus bersama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah diadakan pada 31 Mac 2023. Salah satu hasrat mekanisme pelaksanaan dalam Teras Strategik 3 Program 3 OSHMP25 ialah membangunkan dan menambahbaik sistem pangkalan data KKP (OSH Bank Data). Tujuan libat urus ini adalah bagi membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan pengumpulan senarai penyelidikan kajian / penerbitan / projek dalam bidang KKP yang ada di pangkalan data KPT bagi tujuan repositori / pautan

(link) ke sistem OSH Bank Data yang dibangunkan. Penambahbaikan akan diteruskan pada tahun 2024 dengan perlantikan vendor baru yang akan menambahbaik sistem yang dikenali sebagai *Malaysia Occupational Safety and Health Information Platform* (MOSHIP). Gambar 5 menunjukkan program yang dijalankan bagi Aktiviti 2 Mekanisme 3.




Aktiviti 2 Mekanisme 2 - Libat urus Bersama NIOSH Certification pada 26 Mei 2023



Aktiviti 2 Mekasnime 2 - Mesyuarat pengharmonian penetapan kriteria pengiktirafan Elektrik, UNITEN NOSH-COE pada 3 Mei 2023




Aktiviti 2 Mekanisme 2 - Sesi audit dan verifikasi bagi pengiktirafan Pusat Kecemerlangan KKP di Universiti dan Pusat Penyelidikan

# TERAS STRATEGIK 4

# PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN

## Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



En. Mohd. Yunus b. Talib @Khalid
**Pengerusi Teras Strategik**

Hj. Afanizam bin Ali (JKKP)
**Timbalan Pengerusi 1**

En. Zulkifli bin Abdullah
**Urusetia Teras Strategik**

En. Zulkifli bin Abdullah
**Urusetia Nasional**

| Program 1: Dr. Ahmad Fitri bin Abdullah Hair, Prof. Madya Dr. Hanizah binti Mohd Yusoff - UKM (Pengerusi Bersama) | Program 2: Hjh. Noor Azurah Binti Hj. Abd Rahman | Program 3: Pn. Mazlyne Binti Mat Akat | Program 4: Hjh. Habibah Binti Supoh | Program 5: Pn. Shabanon Binti Mohd Sharif |
|---|---|---|---|---|
| Menyediakan pengamal kesihatan pekerjaan Yang Kompeten Di Tempat Kerja Untuk Meningkatkan Prestasi dan Akses Kepada Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan. | Pengurusan Risiko Kesihatan Pekerjaan Secara Komprehensif | Kesedaran dan Perkongsian Maklumat Berkaitan Kesihatan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan | Memperkasakan Higien Industri ke Arah Peningkatan Kualiti Pekerjaan | Mengintegrasikan Penilaian Risiko Kesihatan Pekerjaan. |

### Ahli Jawatankuasa Dalaman

**Program 1**

1. Dr. Rajinderjit Singh Hullon
2. Dr. Santhanamohan a/l Nagesperam
3. Dr. Ahmad Faiz bin Azhari Noor
4. Dr. Afra Naziha binti Mohamad Muzammil
5. Dr. Mohd Ridzuan bin Anuar (Urusetia)
6. Dr. Anza bin Elias - AOEMM
7. Dr. Muhammad Arif bin Muhammad Noordin - NIOSH
8. Dr. Nik Khairol Reza bin Md Yazin - KKM
9. Prof. Madya. Dr. Irniza binti Rasdi - UPM
10. Dr. Edrin Nazri bin Abdul Rasib - PERKESO

**Program 2**

1. Dr. Sutha a/p Balakrishnan
2. Ir. Rizal Azizi bin Ghazali
3. Mohd Fadhil bin Hj. Abu Yazid
4. Syarikin binti Mat Nayah
5. Eza Marny Binti Marzuki
6. Mohd Zul-Fadly bin Zainuddin
7. Nazurah binti Hamid (Urusetia)
8. Nasrisyam bin Asri
9. Mohd Uzair bin Thazali
10. Ts. Yurizman bin Jamil

**Program 3**

1. Dr. Ahmad Faiz bin Azhari Noor
2. Mazlina binti Yusof
3. Ku Nurfuzana binti Ku Mohamad Faudzi
4. Nadia Farhana binti Radzi
5. Mohamad Firdaus bin Mohamad Nazri
6. Siti Nor Nadirah binti Mohamad
7. Nor Roslinda binti Mat Zan
8. Pn. Maryanti binti Mohammad
9. En. Mohd Faizal bin Mohd Hatta
10. Ir. Amirrudin bin Ali

**Program 4**

1. Fauziah Binti Kamaruddin
2. Elaini Binti Wahab
3. Rohaizad Bin Mohd Daud
4. Nur Shuhada Binti Jusoh
5. Mohd Norhafiz Bin Ibrahim
6. Ir. Ts. Abdul Hafiz Bin Ahmad (Urusetia)
7. Ir. Norlinda Binti Nasidin
8. Mohd Azam Bin Tumijan @ Tomichan
9. Dr. Zafran Bin Shamsudin
10. Dr. Ng Yee Guan - HFEM
11. Norhazlina Binti Mydin - MIHA
12. Md Idris bin Salim - MSOSH
13. Ts. Hj Shahronizam Bin Noordin - MAGTA
14. Prof Dr. Ir. Ts. Rashdan Bin Ismail - UMK
15. Syariful Izam Bin A. Hamid - SI Acoustic Sdn. Bhd.
16. Ts. Dr. Nor Azali Bin Azmir - UTHM
17. Dr. Jalaluddin Bin Dahalan - Ergoworks Sdn. Bhd.
18. Mohd Faizal Bin Hashim - TM

**Program 5**

1. Ir. Ts. Roslenda binti Hasan
2. Rusnah binti Nanyan
3. Dr. Siti Raihana binti Hashim
4. Mohamad Amirul Nizam bin Mohamed Thari (Urusetia)
5. Azreen Shazwani binti Omar (Urusetia II)
6. Ahmad Faiz bin Naziri
7. Mohd Sajidin bin Mahamod
8. Marina binti Zainal Farid - Petronas
10. Raemy bin Md Zin
11. Dr. Ng yee Guan - UPM
12. Azreen Shazwani binti Omar (Urusetia)- Selangor

### Ahli Jawatankuasa Luar

PERKESO, UKM, UPM, HFEM, MIHA, MSOSH, MAGTA, UMK, UTHM,TM, PETRONAS, SHELL, SI Accoustic Sdn. Bhd., ErgoWorks Sdn. Bhd.

# TERAS STRATEGIK 4

# PEMERKASAAN KESIHATAN PEKERJAAN

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 1% | 18% | 21% | 0% | 0% | 82% | 40% |
| P2 | 14% | 20% | 18% | 0% | 0% | 100% | 54% |
| P3 | 14% | 20% | 20% | 0% | 0% | 100% | 54% |
| P4 | 10% | 22% | 28% | 0% | 0% | 100% | 60% |
| P5 | 10% | 40% | 20% | 0% | 0% | 100% | 70% |
| **Keseluruhan** | **11%** | **24%** | **21%** | **0%** | **0%** | **96%** | **56%** |

Teras Strategik 4 di bawah OSHMP25 merupakan salah satu inisiatif pihak kerajaan untuk memperkasakan agenda kesihatan pekerjaan bagi menangani isu-isu penyakit disebabkan oleh pekerjaan yang disebabkan oleh pelbagai hazard iaitu kimia, fizikal, biologi, ergonomik dan psikososial.

Terdapat lima program di bawah Teras Strategik 4 di mana pencapaian keseluruhan semasa bagi tahun 2023 ialah sebanyak 96% manakala pencapaian kumulatif sebanyak 56% telah berjaya dicapai. Bagi pencapaian tahun 2023, Program 2, 3, 4 dan 5 telah merekodkan pencapaian 100% dan diikuti oleh Program 1 sebanyak 82%.

Bagi memastikan keberhasilan Teras Strategik 4 dapat dicapai dan direalisasikan menjelang tahun 2025, pelbagai perancangan sistematik melalui Jawatankuasa Dalaman mahupun program jaringan kolaborasi dan rangka kerja dengan Jawatankuasa Luar telah dibentuk dengan kerjasama daripada pemegang taruh berkaitan kesihatan pekerjaan. Justeru itu, kolaborasi bersama agensi luar seperti KKM, PERKESO, NIOSH, IPTA, MIHA, MSOSH, agensi swasta, Persatuan dan NGO dalam pelbagai bidang kepakaran mengenai kesihatan pekerjaan adalah penting bagi memastikan kelima-lima program di bawah teras strategik ini dapat mencapai output dan outcome yang telah ditetapkan dengan jayanya melalui aktiviti-aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan pada masa hadapan.

# TS 4 PROGRAM 1
## MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 1: MENYEDIAKAN PENGAMAL KESIHATAN PEKERJAAN YANG KOMPETEN DI TEMPAT KERJA** | A1 | Untuk menyediakan perundangan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Health Services*) di Tempat Kerja | 100% | 3% | 3% | 33% | 0% | 0% | 40% |
| | A2 | Program Saringan Penyakit Pekerjaan di sektor kritikal | 100% | 0% | 9% | 30% | 0% | 0% | 39% |
| | A3 | Mengenalpasti keperluan pendaftaran Pengamal Kesihatan Pekerjaan sebagai OYK di bawah JKKP.<br><br>Cadangan: Perlu mengenalpasti terlebih dahulu (ST4 P1 A1, M1) Pendaftaran hanya dibuat selepas terdapat keperluan mendaftar | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% | 0% |
| | A4 | Untuk menyediakan garis panduan berkaitan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (*Occupational Health Services*) | 47% | 0% | 63% | 18% | 0% | 0% | 80% |
| | **Keseluruhan** | | **82%** | **1%** | **18%** | **21%** | **0%** | **0%** | **40%** |

**KAJIAN SARINGAN PENYAKIT PEKERJAAN KE ATAS 100,000 PEKERJA DI SEKTOR KRITIKAL (PROGRAM PENCEGAHAN PENYAKIT PEKERJAAN)**

Bagi tahun 2023, sebanyak 35,236 pekerja telah disaring oleh pihak perunding yang dilantik. Selain itu, beberapa siri latihan kepada industri telahpun dijalankan oleh perunding.

## KAJIAN PEMBANGUNAN PERUNDANGAN BERKAITAN PERKHIDMATAN KESIHATAN PEKERJAAN DI MALAYSIA

UKM Pakarunding Sdn. Bhd telah dilantik untuk menjalankan kajian tersebut dan telah memulakan kajian pada 4 Disember 2023.

## GARIS PANDUAN PENGAWASAN PERUBATAN DI TEMPAT KERJA 2023

Sepanjang tahun 2023, sebanyak 2 sesi bengkel telah dijalankan bagi mengharmonikan garis panduan tersebut. Garis panduan tersebut telah mendapat kelulusan Mesyuarat Semakan Dasar Jabatan (MSDJ) pada Ogos 2023. Majlis Pelancaran garis panduan tersebut telah dilancarkan oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 21 November 2023.

## GARIS PANDUAN PENGURUSAN RISIKO PSIKOSOSIAL DI TEMPAT KERJA

1 bengkel bagi memperhalusi metodologi penaksiran risiko psikososial di tempat kerja telah diadakan pada tahun 2023. Berdasarkan bengkel tersebut, draf garis panduan sedia ada perlu ditambah baik bagi memastikan ianya boleh dilaksanakan oleh industri. Garis panduan ini dijangka untuk dlancarkan pada penghujung tahun 2024.




Majlis Pelancaran Guidelines on Medical Surveillance at the Workplace 2023 oleh YB Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 21 November 2023



Sesi Saringan Penyakit Pekerjaan di lapangan

# TS 4 PROGRAM 2
## PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: PENGURUSAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN SECARA KOMPREHENSIF** | A1 | Meningkatkan kesejahteraan pekerja di dalam aspek kesihatan pekerjaan.<br><br>Cadangan: Indeks/ elemen kesejahteraan di tempat kerja perlu dikenalpasti dan dibangunkan (sekiranya tiada) | 100% | 15% | 20% | 20% | 0% | 0% | 55% |
| | A2 | Menguruskan risiko kesihatan pekerjaan berkonsepkan pencegahan melalui rekabentuk (PID) | 100% | 12% | 20% | 20% | 0% | 0% | 52% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **14%** | **20%** | **20%** | **0%** | **0%** | **54%** |

Pencapaian Program 2 (TS4P2) pada tahun 2023 didokong oleh dua aktiviti utama seperti berikut:

Aktiviti 1 dilaksanakan melalui “Program Survei Elemen Kesejahteraan Pekerjaan di Tempat Kerja” yang dijalankan oleh Seksyen Penguatkuasaan JKKP Negeri di seluruh Malaysia dari bulan Mei hingga Ogos 2023 ke atas 140 tempat kerja. Objektif Program Survei ini adalah -

1. Menjalankan survei pelaksanaan program kesejahteraan pekerjaan oleh majikan di tempat kerja terpilih menggunakan kriteria yang telah dibangunkan

2. Menjalankan survei maklum balas penyertaan pekerja bagi program kesejahteraan yang dilaksanakan di tempat kerja terpilih

3. Mendapat input – input daripada survei berkaitan kriteria elemen kesejahteraan bagi tujuan penambahbaikan

Seterusnya, satu Bengkel Analisis Survei Elemen Kesejahteraan di Tempat Kerja telah diadakan pada 28 hingga 30 Ogos 2023 di Sungai Petani, Kedah. Tujuan bengkel adalah untuk membuat analisis, menambah baik kriteria elemen kesejahteraan dan menyediakan laporan hasil dapatan survei yang telah dijalankan.

Aktiviti 2 pula dilaksanakan melalui program kesedaran dan promosi kaedah pencegahan melalui rekabentuk (Prevention Through Design/ PtD). Pada tahun 2023, satu Bengkel Kawalan Risiko Ergonomik di Tempat Kerja Menerusi Kaedah Pencegahan Melalui Rekabentuk telah diadakan pada 22 Jun 2023 di Hotel Ixora, Pulau Pinang. Seramai 40 orang peserta daripada 36 buah tempat kerja telah menghadiri bengkel ini.




Sesi Taklimat Program Survei Elemen Kesejahteraan Pekerjaan di Tempat Kerja Kepada Pegawai JKKP Negeri pada 14 Mac 2023




Program Survei Elemen Kesejahteraan Pekerjaan di Tempat Kerja oleh Pegawai JKKP Negeri di Seluruh Negara dari Mei hingga Ogos 2023



# TS 4 PROGRAM 3
## KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: KESEDARAN DAN PERKONGSIAN MAKLUMAT BERKAITAN KESIHATAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN** | A1 | Menjalankan promosi berkaitan isu-isu kesihatan dan penyakit pekerjaan | 100% | 14% | 20% | 20% | 0% | 0% | 54% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **14%** | **20%** | **20%** | **0%** | **0%** | **54%** |

Tahun 2023 telah melakar pencapaian yang baik bagi pelaksanaan aktiviti promosi berkaitan isu kesihatan dan penyakit pekerjaan dengan penganjuran beberapa siri seminar iaitu :-

1) Seminar Kesihatan Pekerjaan, Kes Penyakit Pekerjaan dan Amalan Terbaik Industri Peringkat Negeri Kedah Tahun 2023 di Langkawi, Kedah. Perasmian Seminar telah disempurnakan oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud dengan menyasarkan penyertaan peserta dari sektor perhotelan; dan

2) Seminar Kesihatan Pekerjaan, Kes Penyakit Pekerjaan dan Amalan Terbaik Industri Peringkat Negeri Sabah/Labuan Tahun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah yang telah dirasmikan oleh YBrs Tn. Hj. Zulkifli Bin Yahaya, Pengarah JKKP Sabah. Peserta seminar adalah terdiri daripada pengamal KKP dari pelbagai sektor di sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

Seminar yang dianjurkan bagi mempromosikan isu-isu kesihatan pekerjaan di tempat kerja serta perkongsian maklumat isu terkini berkaitan kes penyakit pekerjaan.

Mekanisme promosi diperluaskan dengan penghasilan video dan video grafik berkaitan kesihatan pekerjaan. Tema pada tahun 2023 ini adalah isu pengurusan bahan kimia di tempat kerja dengan penghasilan 3 video dan video grafik.

Capaian sebaran maklumat dan pengetahuan melalui penghasilan video dan video grafik semakin meningkat menerusi media sosial rasmi Jabatan. Sehingga sukuan ketiga (Q3) tahun 2023 telah mencatatkan sebanyak kira-kira 28,000 views.




Seminar Kesihatan Pekerjaan di Langkawi, Kedah.




Seminar Kesihatan Pekerjaan di Kota Kinabalu, Sabah.





Sesi Rakaman (Shooting) Video Isu Kesihatan Pekerjaan

# TS 4 PROGRAM 4
## MEMPERKASAKAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 4: MEMPERKASA-KAN HIGIEN INDUSTRI KE ARAH PENINGKATAN KUALITI PEKERJAAN** | A1 | Menyediakan dan melaksanakan sistem intervensi yang komprehensif dan efektif di tempat kerja | 100% | 6% | 24% | 24% | 0% | 0% | 54% |
| | A2 | Meluaskan pelaksanaan SOHELP DIY dan kaedah penaksiran lain | 100% | 5% | 21% | 41% | 0% | 0% | 67% |
| | A3 | Menyemarakkan Pengurusan Higien Industri (e.g Ergonomik, Kebisingan, Ruang Terkurung dan Bahan Kimia) di tempat kerja | 100% | 19% | 20% | 20% | 0% | 0% | 59% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **10%** | **22%** | **28%** | **0%** | **0%** | **60%** |

Salah satu program di bawah pemerkasaan kesihatan pekerjaan memfokuskan perihal strategi intervensi kawalan hazard kesihatan di tempat kerja. Bengkel kawalan hazard telah dilaksanakan di sektor pembuatan plastik untuk tahun 2023 di mana sebanyak 44 penyertaan dari wakil industri direkodkan. Hasil pemantauan 45 tempat kerja sektor elektronik yang menyertai bengkel tahun 2022 menunjukkan semua tempat kerja telah menjalankan intervensi dan mencapai tahap gred yang memuaskan.

Program *Systematic Occupational Health Enhancement Level Program Do It Yourself* (SOHELP DIY) telah disertai oleh 2512 tempat kerja bermula dari tahun 2016. Penyertaan pada tahun 2023 adalah sebanyak 413 tempat kerja. Satu Sesi Libat Urus Bersama Tempat Kerja Cemerlang SOHELP dan Syarikat Konglomerat telah diadakan pada 23 Mei 2023 bagi mendapatkan penglibatan semula didalam SOHELP DIY. Pada 17 Ogos 2023 telah diadakan Konvensyen SOHELP DIY Kebangsaan sebagai platform perkongsian amalan terbaik oleh tempat kerja yang menunjukkan pencapaian cemerlang. Konvensyen telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia dan dihadiri seramai 550 orang peserta.

Bagi tahun 2023, sebanyak 5 projek kolaborasi menyemarakkan pengurusan higen industri melalui penganjuran seminar dan konvesyen bersama MIHA dan MTUC telah dilaksanakan. Program Kesedaran Higien Industri 2023 juga telah dilaksanakan pada 23 &

24 Ogos 2023 di Universiti Putra Malaysia. Seramai 408 peserta telah hadir dalam program tersebut. Selain itu, sebanyak 553 tempat kerja yang dijalankan penguatkuasaan sehingga Oktober tahun 2023 telah merekodkan peningkatan gred pematuhan terhadap perundangan kebisingan, ergonomik dan ruang terkurung.



Bengkel Kawalan Hazard Kesihatan Sektor Pembuatan Plastik



Konvensyen SOHELP DIY Kebangsaan




Timbalan Menteri dan KP bersama Pemenang-pemenang SOHELP

# TS 4 PROGRAM 5
## MENGINTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 5 : MENG-INTEGRASIKAN PENILAIAN RISIKO KESIHATAN PEKERJAAN** | A1 | Menyemak dan menambahbaik Penilaian risiko kesihatan pekerjaan yang merangkumi kesemua hazad kesihatan di tempat kerja (fizikal, biologikal & psikososial) untuk digunapakai oleh semua industri dengan melibatkan pengamal OH sebagai ahli pasukan pengapit HRA. | 100% | 10% | 40% | 20% | 0% | 0% | 70% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **10%** | **40%** | **20%** | **0%** | **0%** | **70%** |

Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Program 5 Teras Strategik 4 bagi tahun 2023 merangkumi empat (4) mesyuarat Jawatankuasa dan dua (2) bengkel. Dua bengkel telah diadakan pada 11 - 12 September 2023 dan 13 - 14 September di Hotel Palm Seremban, Negeri Sembilan bagi membangunkan kriteria penilaian potensi magnitud keterukan dan kemungkinan hazard kesihatan berlaku bagi hazard biologikal, psikososial dan fizikal. Pembangunan kriteria tersebut melibatkan pakar dan pengamal keselamatan dan kesihatan pekerja dalam bidang hazard biologikal, psikososial, getaran, sinaran (sinaran mengion dan sinaran tak mengion), tegasan haba, pekerjaan dalam tekanan hipobarik dan hiperbarik. Selain itu, Jawatankuasa juga telah merangka strategi pelaksanaan model Integrasi Pentaksiran Risiko Kesihatan Pekerjaan (HRA) dan menyediakan kerangka Panduan Pelaksanaan Integrasi Kesihatan Pekerjaan (HRA).







Bengkel 1 : Bengkel Pembangunan Model Integrasi HRA - Hazard Biologikal dan Psikososial pada 11 – 12 September 2023 di Hotel Palm Seremban, Negeri Sembilan





Bengkel 2: Pembangunan Model Integrasi HRA-Hazard Fizikal pada 13-14 September di Hotel Palm Seremban, Negeri Sembilan

# TERAS STRATEGIK 5

# MEMPERTINGKAT PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PKS

## Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Supian bin Alias
**Pengerusi Teras Strategik**

Syahrunizam bin Shahwan (KUSKOP)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

Pn. Rosnizawati binti Baharom (JKKP)
**TImb. Pengerusi**

Pn. Nur Faizah binti Ali
**Urusetia Teras Strategik**

En. Mohd Farid Bin Mastuki
**Urusetia Nasional**

| **Program 1:** En. Syahrul Nizam bin Shaharuddin | **Program 2:** Rosnizawati binti Baharom | **Program 3:** Pn. Salwa binti Sayutti | **Program 4:** Nurul 'Aizat Akmal binti Abd. Azih |
|---|---|---|---|
| Insentif Khas Untuk Sektor PKS bagi Aktiviti KKP | Memantapkan pengurusan KKP di PKS | Pemantapan sokongan dan kerjasama antara agensi serta inisiatif program khas | Peningkatan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP |

### Ahli Jawatankuasa Dalaman

| Program 1 | Program 2 | Program 3 | Program 4 |
|---|---|---|---|
| 1. Shahnisfanizam bin Yaacof<br>2. Muhammad Faizal bin Zainal Abidin<br>3. Mohamad Khir bin Mohd Som<br>4. Ismahisyam bin Ismayuddin | 1. Sohela binti Abdul Aziz<br>2. Yusreena binti Yusuf<br>3. Mohd Azlan Fahmi bin Mohd Azmi<br>4. Ir. Ts. Syed Mohd Firdaus bin Syed Zainuddin | 1. Noor Azwani binti Mohd Nawi<br>2. Muhammad Tasyrif bin Ahmad Anuar<br>3. Noor Aini binti Jumiran<br>4. Zainab binti Abu Rairah<br>5. Mohd Arif bin Mohd Nor | 1. Khairul Amilin bin Hj Ibrahim<br>2. Siti Rahmah binti Tukiran<br>3. Mohamad Khir bin Md Som |

### Ahli Jawatankuasa Luar

**MSOSH**
- Zanuddin Kisman

**SME Association**
- Alan Tan Fui Soon

**UKM**
- Prof Ts. Dr. Kadir bin Ariffin

**PERKESO**
- Ismail bin Harun
- Norazman Abdul Ghani

**HRDF**
- Mohamad Azri B. Abdul Aziz

# TERAS STRATEGIK 5

## PENINGKATAN PEMATUHAN KKP DI SEKTOR PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA (PKS)

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 14% | 22% | 19% | 0% | 0% | 97% | 55% |
| P2 | 15% | 21% | 21% | 0% | 0% | 100% | 56% |
| P3 | 13% | 32% | 32% | 0% | 0% | 100% | 67% |
| P4 | 16% | 20% | 18% | 0% | 0% | 88% | 54% |
| **Keseluruhan** | **12%** | **24%** | **22%** | **0%** | **0%** | **96%** | **58%** |

Memasuki fasa pertengahan pelaksanaan Pelan Induk Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Pekerjaan (OSHMP25), Teras Strategik 5 telah berjaya mencapai sebanyak 53% secara kumulatif. Menerusi Teras Strategik 5 ini, terdapat 4 program yang telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan pematuhan KKP di sektor PKS dapat ditingkatkan merangkumi aspek bantuan dana, pengurusan KKP, sokongan kerjasama antara agensi dan peningkatan kemahiran KKP. Berdasarkan sasaran utama Teras Strategik 5 yang memfokuskan kepada perusahaan kecil & sederhana (PKS), sebanyak 8 projek telah dirancang sepanjang tahun 2023 ini.

Pelaksanaan 8 projek ini telah melibatkan penglibatan antara agensi kerajaan, persatuan, majikan, industri PKS dan pengamal KKP bagi sama-sama mencapai objektif Teras Strategik 5 iaitu peningkatan pematuhan KKP di sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Impak daripada 8 projek yang telah dijalankan ini dilihat telah memberi ruang-ruang kesinambungan kerjasama yang baik antara agensi, majikan dan industri pada masa akan datang. Keberkesanan 8 projek ini juga menjadi aras kepada keberkesanan program-program di bawah Teras Strategik 5 dan memberi cabang idea yang baru untuk mengembangkan projek-projek Teras Strategik 5 untuk dua tahun yang akan datang.

8 projek bagi tahun 2023:

1. Bengkel dan Sesi Libat Urus Peningkatan Pematuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di PKS Bersama Agensi Kerajaan, Persatuan Industri, Pengamal KKP dan Majikan PKS untuk tahun 2023 di Mardhiyah Hotel Shah Alam (23 Ogos 2023); dan Klana Beach Resort, Negeri Sembilan (18 Oktober 2023).

2. Program bersama GLC/syarikat swasta terpilih berkaitan mentor mentee bagi program SOLVE 4 SME di Bangi Avenue Convention Center (BACC), Bangi, Selangor. (12 September 2023).

3. Seminar berkaitan Kesihatan Pekerjaan dan Higien Industri di PKS untuk tahun 2023 di Sabah (17 Mei 2023).

4. Bengkel pemurnian Generik Risk Assessment (RA) di Holiday Inn Express & Suites, Johor Bharu. (16 Mei 2023)
5. Seminar Kualiti dan Produktiviti ke arah pemerkasaan KKP di De Palma Hotel, Shah Alam (29 Ogos 2023)
6. Bengkel generik Risk Asessement bagi sektor logam di De Palma Hotel, Shah Alam (4 – 7 September 2023) & Kayu di Mega View Hotel, Pahang (19 -21 September 2023)
7. Bengkel Pemurnian Generik Pentaksiran Risiko bagi Sektor Pembuatan Plastik di Tenera Hotel, Bangi Selangor. (25 September 2023)
8. Merekabentuk poster infografik berkaitan Sistem Pengurusan KKP di Perusahaan Kecil Sederhana secara digital.







# TS 5 PROGRAM 1
## DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 1: DANA KHAS UNTUK AKTIVITI KKP DI PKS** | A1 | Menyediakan dana dan insentif khusus kerajaan dan swasta bagi sektor PKS | 90% | 7% | 46.7% | 18% | 0% | 0% | 71% |
| | A2 | Mempromosikan pemberian pelepasan cukai oleh kerajaan kepada PKS bagi pembelian peralatan asas dan PPE | 100% | 25% | 5% | 13% | 0% | 0% | 43% |
| | A3 | Menggalakkan penyediaan insentif oleh pihak swasta untuk memperkasakan KKP di PKS | 100% | 0% | 25% | 25% | 0% | 0% | 50% |
| | **Keseluruhan** | | **97%** | **14%** | **22%** | **19%** | **0%** | **0%** | **55%** |

Pada tahun 2023 ini, Jawatankuasa Program 1, Teras Strategik 5 telah meneruskan usaha permohonan dana dari agensi berkaitan iaitu PERKESO dan kelulusan permohonan dana tersebut telah berjaya diperolehi bagi membolehkan Jabatan meneruskan usaha membantu PKS dalam meningkatkan tahap pematuhan KKP di tempat kerja. Selain itu, pihak Jawatankuasa juga telah mengadakan sesi libat urus bersama dengan beberapa agensi yang terlibat dalam memberi bantuan kewangan kepada pengusaha PKS seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) seperti SME Bank, TEKUN, INSKEN dan sebagainya bagi mendapatkan informasi berkaitan bantuan kewangan yang diberikan kepada PKS dan perbincangan berkaitan kaedah terbaik untuk menerapkan elemen KKP kepada penerima pinjaman dan bantuan kewangan tersebut.

Dari segi mempromosikan pemberian pelepasan cukai oleh kerajaan kepada PKS bagi pembelian peralatan asas PPE, pihak Jawatankuasa sentiasa komited dimana telah berhubung dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi mendapatkan maklumat lanjut berkaitan bentuk pelepasan cukai tersebut. Maklumat yang diperolehi telah dikongsikan di dalam laman sesawang Jabatan dan melalui sesi dialog bersama persatuan dan pengusaha PKS.



Dalam menggalakkan penyediaan insentif pihak swasta untuk memperkasakan KKP di PKS, pihak Jawatankuasa telah julung kalinya mengadakan Bengkel Pelaksanaan Program Mentor Mentee SOLVE4SME bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta Terpilih di Bangi Avenue Convention Centre (BACC) dalam usaha menggalakkan lagi GLC dan syarikat swasta untuk menjadi peneraju kepada peningkatan KKP di PKS melalui program mentor-mentee dan CSR. Seramai 30 peserta daripada 15 GLC dan syarikat swasta dari Selangor, Kuala Lumpur dan Perak telah berjaya diberikan pendedahan berkaitan program SOLVE4SME untuk dipraktikkan dalam program mentor mentee syarikat berkenaan dengan vendor mereka yang berstatus PKS.

Selain itu, program mentor mentee SOLVE4SME ini juga telah teruskan oleh syarikat Fuji Seat Sdn Bhd selaku mentor bersama dua (2) syarikat vendor mereka yang bertindak sebagai mentee iaitu Auto Parts Manufacturers Co Sdn Bhd dan SKI ED Coating Sdn Bhd. Program mentor mentee ini secara tidak langsung merupakan satu bentuk CSR yang diberikan oleh syarikat besar ini kepada vendor-vendor mereka yang berstatus PKS melalui bantuan dalam bentuk latihan dan konsultasi secara percuma.

Selain itu, terdapat tiga (3) penyedia latihan iaitu ITS Management Sdn Bhd, Skill Solutions Sdn Bhd dan In-Source Option Sdn Bhd yang telah turut sama menyokong pemberian insentif kepada syarikat PKS dengan memberikan potongan kadar bayaran yuran kursus serta bimbingan berterusan kepada syarikat PKS yang menyertai kursus OSH Coordinator bersama mereka.



Program Mentor Mentee SOLVE 4 SME bersama Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta Terpilih di Bangi Avanue Convention Centre (BACC)

# TS 5 PROGRAM 2
## MEMANTAPKAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)

| Program | | Aktiviti | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: MEMANTAP-KAN SISTEM PENGURUSAN KKP PKS (OSHMS)** | A1 | Memantapkan kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME (*Stepwise OSH Level Verification Enhancement for SME*) | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A2 | Meningkatkan pematuhan KKP di tempat kerja di sektor PKS. | 100% | 7% | 23% | 23% | 0% | 0% | 53% |
| | A3 | Menggalakkan pembangunan amalan terbaik di kalangan PKS | 100% | 10% | 20% | 20% | 0% | 0% | 50% |
| | A4 | Meningkatkan jangkauan KKP di kalangan PKS | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | | **Keseluruhan** | **100%** | **15%** | **21%** | **21%** | **0%** | **0%** | **56%** |

Tahun 2023 pelaksanaan TS5P2 diteruskan untuk memantapkan kaedah Pengurusan KKP melalui program SOLVE 4 SME melalui Aktiviti 1. Pencapaian 20% adalah berdasarkan penglibatan sebanyak 404 PKS yang mengikuti program SOLVE 4 SME yang dilaksanakan di setiap negeri berbanding sebanyak 383 penyertaan pada tahun 2022. Sehingga 31 Disember 2023, penyertaan PKS untuk program SOLVE 4 SME adalah sebanyak 787 tempat kerja. Data ini menunjukkan impak yang positif terhadap penerimaan dan kesedaran KKP pihak industri terutamanya di PKS. Sejajar dengan pencapaian Aktiviti 1 juga sekaligus dapat meningkatkan pematuhan KKP di PKS dan juga ke arah pengamalan SPKKP yang berterusan.

Melalui Aktiviti 2 dan bagi memberi pengiktirafan kepada tempat kerja yang cemerlang, JKKP dengan kerjasama JSM dan PERKESO telah menjalankan program ESCAPE OSHMS. Untuk tahun 2023, Lypometal Sdn. Bhd., Percetakan Tenaga Sdn Bhd dan Alam Aliran Kualiti (M) Sdn. Bhd. telah berjaya memperolehi persijilan MS ISO 45001:2018. Seminar Kesihatan Pekerjaan dan Higien Industri di Sektor PKS turut dijalankan pada 15 Ogos 2023 bertempat di Hotel Raia, Kota Kinabalu, Sabah yang bertujuan untuk membuat perkongsian berkaitan isu-isu terkini berkaitan kesihatan pekerjaan dan higien industri kepada majikan dan pekerja di sektor PKS.

Aktiviti 3 dilaksanakan melalui pengumpulan amalan terbaik KKP di PKS. Untuk tahun 2023, Hicom HBPO Sdn. Bhd telah diberi peluang untuk membuat perkongsian pencapaian

Aras 5 SOLVE 4 SME dan amalan terbaik yang telah dilaksanakan di Seminar Kebangsaan KPP 2023 (KeJaRI 4.0) pada 26 September 2023.

Aktiviti 4 dilaksanakan melalui penglibatan dan kerjasama agensi luar semasa sesi libat urus, dialog dan semasa menganjurkan program KKP. Penglibatan agensi luar seperti persatuan industri dan pengamal KKP bertujuan bagi meningkatkan promosi agar hebahan program dan aktiviti akan lebih menyeluruh dan meluas.

Keseluruhannya program 2 telah berjaya mencapai output yang telah disasarkan bagi tahun 2023.






Seminar Kesihatan Pekerjaan dan Higien Industri di Sektor PKS 2023




Perkongsian pencapaian Aras 5 SOLVE 4 SME dan amalan terbaik oleh Hicom HBPO Sdn. Bhd di Seminar Kebangsaan KPP 2023 (KeJaRI 4.0)

# TS 5 PROGRAM 3
## PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI SERTA INISIATIF KHAS

| Program | | Aktiviti | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| Program 3: PEMANTAPAN SOKONGAN DAN KERJASAMA ANTARA AGENSI INISIATIF KHAS | A1 | Menggalakkan program sokongan KKP di kalangan industri KKP melalui bimbingan dan sokongan di kalangan pengamal KKP | 100% | 10% | 20% | 20% | 0% | 0% | 50% |
| | A2 | Mengadakan kerjasama di antara pihak yang berkaitan bagi menguatkuasa peraturan KKP di kalangan PKS | 0% | 0% | 25% | 0% | 0% | 0% | 25% |
| | A3 | Membangunkan program khas di peringkat sektoral bagi pengurusan hazad yang dominan | 100% | 0% | 50% | 50% | 0% | 0% | 100% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **3%** | **32%** | **32%** | **0%** | **0%** | **67%** |

Pelaksanaan aktiviti adalah seperti dijelaskan di bawah bagi meneruskan kesinambungan tiga aktiviti utama Teras Strategi 5 Program 3:

TS5P3A1 : Mengalakkan program sokongan KKP dalam kalangan industri PKS melalui bimbingan dan sokongan dalam kalangan pengamal KKP

Sokongan KKP dalam kalangan pengamal telah diuar-uarkan melalui program taklimat kepada pegawai keselamatan & kesihatan pekerjaan (SHO). Pengamal KKP yang membantu PKS meningkatkan pematuhan KKP dicadangkan untuk menguna pakai Program SOLVE4SME. Pencapaian aras yang tertentu melalui SOLVE4SME melayakkan pengamal KKP untuk memperolehi mata CEP yang telah ditetapkan.

TS5P3A2 : Mengadakan kerjasama di antara pihak yang berkaitan bagi menguatkuasa peraturan KKP di kalangan PKS

Aktiviti 2 dilaksanakan melalui program libat urus yang dijalankan oleh JK TS5 iaitu melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan KKP dan industri. Melalui kedua-dua program yang dijalankan, perbincangan lanjut dan kerangka pelaksanaan akan diusulkan kepada pihak MARA bagi mendapatkan persetujuan dengan pihak pengurusan MARA untuk menguatkuasakan KKP di kalangan PKS.

TS5P3A3 : Membangunkan program khas di peringkat sektoral bagi pengurusan hazad yang dominan. (Generic RA)

Dua bengkel pembangunan generik Risk Assessment (RA) dan dua bengkel pengharmoniaan generik RA telah dilaksanakan oleh jawatankuasa kerja TS5 P3 sepanjang tahun 2023. Bengkel selama 3 hari telah dijalankan bagi bagi dua sektor iaitu bagi sektor kayu dan sektor logam dan penglibatan peserta adalah dari industri serta persatuan perkayuan dan logam. Pelaksanaan bengkel menggunakan kaedah *brain stroming* mengikut proses kerja yang telah dikenalpasti dan dibimbing oleh fasilitator jemputan khas dari jawatankuasa peraturan RA. Penghasilan (output) bengkel ini adalah generik RA bagi sektor kayu dan logam, namun RA ini masih memerlukan pengharmoniaan bagi memastikan industri terutamanya PKS dapat memanfaatkan RA dengan sebaik mungkin. Selain itu, JK P3 TS5 juga telah menyelesaikan pengharmonian 2 generik RA bagi sektor kilang cat dan plastik dan dicadangkan untuk menghasilkan e-generik RA (cat dan plastik). Bengkel pengharmoniaan juga melibatkan pihak industri yang berkaitan bersama dengan jawatankuasa peraturan RA.




Bengkel pembangunan generik pentaksiran risiko bagi sektor kayu di Negeri Pahang.



Bengkel pembangunan generik pentaksiran risiko bagi sektor logam di Negeri Selangor.

# TS 5 PROGRAM 4
# PENINGKATAN PENGETAHUAN, KEMAHIRAN DAN KOMITMEN KKP

| Program | | Aktiviti | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 4: PENINGKATAN PENGETAHUAN KEMAHIRAN DAN KOMITMEN KKP** | A1 | Meningkatkan akses pusat-pusat latihan dan pusat pengajaran bagi tujuan peningkatan pengetahuan kemahiran dan komitmen KKP di kalangan PKS | 50% | 4% | 20% | 10% | 0% | 0% | 34% |
| | A2 | Meningkatkan bilangan OSH-C di kalangan PKS | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A3 | Memantapkan kesedaran dan pelaksanaan KKP setara dengan aspek kualiti dan produktiviti | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | A4 | Mengadakan *Coffee Talk* kepada pengusaha KKP | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | | **Keseluruhan** | **88%** | **16%** | **20%** | **18%** | **0%** | **0%** | **54%** |

Sebanyak 4 aktiviti yang dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2023 di bawah Teras Strategi 5 Program 4 dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan komitmen KKP khususnya di kalangan sektor PKS. Bagi Aktiviti 1, satu syarikat penyedia latihan iaitu XP Technics Solution telah bersetuju untuk menjalankan kerjasama dalam menjayakan aktiviti ini. Satu modul latihan berkaitan penggunaan OSHWA sedang dibangunkan bertujuan menambahbaik pelaksanaan dan keberkesanannya di kalangan PKS.

Bagi Aktiviti 2, seramai 3506 OSH-C telah berdaftar dengan JKKP pada tahun 2023.

Melalui Aktiviti 3, satu bengkel Aspek Kualiti dan Produktiviti di Sektor Industri Kecil dan Sederhana telah dijalankan pada 29 Ogos 2023 dan dihadiri oleh peserta di kalangan PKS dari Selangor, Perak dan WPKL. Bengkel ini bertujuan memantapkan kesedaran dan pelaksanaan KKP setara dengan aspek kualiti dan produktiviti yang akan dipraktikkan oleh peserta di tempat kerja.

Bagi Aktiviti 4, satu sesi *Coffee Talk* telah dijalankan yang disertai oleh Sektor PKS di Selangor. Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan isu-isu terkini di sektor PKS khususnya berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.





# TERAS STRATEGIK 6

# PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

## Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



Ts. Nazruddin Bin Mat Ali (JKKP)
**Pengerusi Teras Strategik**

En. Abdul Azizi bin Mohamad Sharkawi (MITI)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori
**Urusetia Teras Strategik**

En. Noor Hafizie bin Sulkafle
**Urusetia Nasional**

| Program 1: Ts. Osman bin Hj Isa | Program 2: Hj. Nor Zamzuri bin Md. Nor | Program 3: Dr. Mokhtar Zamimi bin Ranjan |
|---|---|---|
| Pembangunan Tempat Kerja Pintar Berpaksikan IR 4.0 | Pembangunan Ekosistem Teknologi dalam KKP | Pengurusan Risiko KKP Melalui Teknologi Digital |
| **Ahli Jawatankuasa Dalaman** | | |
| 1. Ir. Hj. Abdul Aziz bin Salim<br>2. Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Fairuz bin Ab Rahman<br>3. Ts. Hamidi bin Saidin<br>4. Hazeha binti Abdullah<br>5. Ir. Ts. Mohammed Haffis Mohossain Molla<br>6. En. Mohd Shazwan bin Jismi<br>7. Wan Rusmaezame bin Wan Mahmood<br>8. Thavaselvan A/L Supermaniam<br>9. Dr. Mohd Syamir bin Senin | 1. En. Rukairulazzam bin Ab Rahman<br>2. En. Mohd Al Fadil bin Mohd Salleh<br>3. En Mohd Syahrin bin Yusof<br>4. Ts. Wan Hilemi bin Wan Hussein.<br>5. En. Mohd Afdhalludin bin Mat Yusof<br>6. Pn Nor Azzura binti Saari<br>7. En. Huszaini bin Haron | 1. Ir. Ts. Dr. Wesley Anak Lock Sulen<br>2. En.Azhan bin Ab Majid<br>3. Ir. Ts. Mohd Nazri bin Mat Jarid<br>4. En. Mohd Arif bin Mohd Nor<br>5. Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori |
| **Ahli Jawatankuasa Luar** | | |
| 1. Datin Fauzirah Binti Zainun (Ria Solution)<br>2. En. Suhaimi Bin Ahmad (PD&T) | 1. Dr. Mohd Sani bin Hashim (UUM)<br>2. Ir. Ts. Louis Tay C.S (Plytech) | 1. Pn. Kartina Wati binti Arbi (PD&T) |

# TERAS STRATEGIK 6

# PEMANTAPAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 21% | 28% | 38% | 0% | 0% | 100% | 82% |
| P2 | 13% | 48% | 8% | 0% | 0% | 100% | 70% |
| P3 | 3% | 23% | 25% | 0% | 0% | 100% | 51% |
| **Keseluruhan** | **12%** | **32%** | **23%** | **0%** | **0%** | **100%** | **68%** |

Secara umumnya, ketiga-tiga program telah berjaya mencapai sasaran bagi tahun 2023. Berdasarkan jadual di atas, tahun 2023 hanya menetapkan sasaran 23% pencapaian di mana berdasarkan sasaran tahun semasa berikut, 100% telah dicapai yang menyumbang kepada 68% kumulatif bagi tahun 2021-2025.

Semua aktiviti yang telah dirancang berjaya dilaksanakan mengikut ketetapan masa, tempat, penganjuran dan peruntukan. Berikut adalah rumusan aktiviti yang telah dilaksanakan di mana perinciannya boleh dirujuk dalam laporan aktiviti bagi setiap Program.

| Aktiviti | Penganjur | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| Bengkel pembangunan modul Penggunaan Teknologi dalam KKP | Program 1 | 18-20 September 2023 | Bangi Hotel Resort |
| Seminar KKP-Pembangunan Ekosistem dalam Teknologi KKP (Zon Utara) tahun 2023 | Program 2 | 26 Oktober 2023 | Politeknik Seberang Perai |
| Bengkel penggunaan aplikasi teknologi Penguatkuasaan KKP | Program 3 | 20 Mac 2023 | Dewan Serbaguna KSM, Putrajaya |
| Bengkel OSHCIM Way Forward & Digital Enhancement | Program 3 | 31 Oktober 2023 | UPM Business School |
| Seminar KKP Peringkat Negeri Pahang Tahun 2023 -Pengukuhan KKP melalui teknologi | Program 2 | 16 November 2023 | Kompleks Dagangan Mahkota, Kuantan |

# TS 6 PROGRAM 1
## PEMBANGUNAN TEMPAT KERJA PINTAR BERPAKSIKAN IR 4.0

| Program | | Aktiviti | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 1: PEMBANGUNAN TEMPAT KERJA PINTAR BERPAKSIKAN IR 4.0** | A1 | Menyarankan syarikat-syarikat menggunakan peralatan berteknologi terkini (IR 4.0) bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan tempat kerja/loji yang berisiko tinggi | 100% | 15% | 20% | 40% | 0% | 0% | 75% |
| | A2 | Menyarankan syarikat-syarikat menggunakan peralatan teknologi terkini bagi memastikan pekerja tidak terdedah kepada risiko keselamatan dan kesihatan | 100% | 27% | 32% | 32% | 0% | 0% | 90% |
| | | **Keseluruhan** | **100%** | **21%** | **26%** | **36%** | **0%** | **0%** | **82%** |

Pencapaian Program 1 (P1TS6) pada tahun 2023 didokong oleh dua aktiviti utama seperti berikut:

1. Menyarankan syarikat-syarikat menggunakan peralatan berteknologi terkini (IR4.0) bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan
2. Menyarankan syarikat-syarikat menggunakan teknologi terkini bagi memastikan pekerja tidak terdedah kepada risiko KK

Bagi aktiviti 1, terdapat 2 Output iaitu

a. Mengenalpasti syarikat yang telah menghasilkan dan menggunakan teknologi - Pada tahun 2023, sebanyak 96 syarikat telah dikenalpasti seterusnya menepati sasaran output 2023. Keseluruhan syarikat yang telah dikenal pasti akan dijemput untuk membuat perkongsian dalam 1 ekspo yang akan diadakan pada tahun 2024.

b. Menggalakkan penubuhan jawatankuasa kepakaran dalam syarikat/ pertubuhan - Pada tahun 2023, sasaran 2 syarikat telah dicapai iaitu Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Prefchem, Johor.

Sepanjang tempoh ini, beberapa kaedah telah digunakan untuk membuat pengenalpastian ini seperti melalui panggilan telefon, survey melalui surat rasmi dan jemputan pembentangan kepada jawatankuasa.

Bagi aktiviti 2, terdapat 2 output iaitu:

a. Memastikan syarikat mengaplikasi teknologi terkini - Pada tahun 2023, sebanyak 60 syarikat telah dikenalpasti seterusnya menepati sasaran output 2023

b. Mengadakan anugerah khas inovasi dan teknologi KKP - Sebagai persediaan kepada anugerah khas, 1 bengkel penggunaan teknologi KKP IR4.0 di tempat kerja. Bengkel telah dijalankan pada 19 September 2023 di Bangi. Audit peringkat pertama telah selesai dijalankan melibatkan 16 pencalonan.

Pada 18-20 September 2023, satu bengkel pembangunan modul Penggunaan Teknologi dalam KKP telah diadakan di Bangi Resort Hotel. Bengkel ini telah disertai oleh wakil dari 5 syarikat yang menggunakan teknologi bagi berkongsi maklumat. 5 Syarikat tersebut ialah FGV, Petronas PD&T, Pelabuhan Tanjung Pelepas, TNB Labis dan Topcon.



Kehadiran peserta bengkel



Susun atur bengkel

# TS 6 PROGRAM 2
## PEMBANGUNAN EKOSISTEM TEKNOLOGI DALAM KKP

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: PEMBANGUNAN EKOSISTEM TEKNOLOGI DALAM KKP** | A1 | Menyarankan syarikat-syarikat memper-kembangkan ilmu, kemahiran dan kepakaran berkaitan KKP melalui koordinasi strategik di antara universiti, industri dan komuniti | 100% | 7% | 17% | 17% | 0% | 0% | 40% |
| | A2 | Menyarankan pihak industri membangunkan aplikasi teknologi baru untuk membantu majikan menguruskan KKP | | 20% | 80% | 0% | 0% | 0% | 100% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **13%** | **48%** | **8%** | **0%** | **0%** | **70%** |

Bagi menyarankan syarikat-syarikat memperkembangkan ilmu, kemahiran dan kepakaran berkaitan KKP melalui koordinasi di antara universiti, industri dan komuniti, Jawatankuasa Teras Strategik Program 2 telah menjalankan 2 seminar KKP pada tahun 2023 dan juga menyediakan pamplet berkaitan *Building Information Modeling* (BIM) dan telah dihebahkan melalui media sosial jabatan.

**SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) – PEMBANGUNAN EKOSISTEM DALAM TEKNOLOGI KKP (ZON UTARA) TAHUN 2023**

Seminar ini telah diadakan pada 26 Oktober 2023 bertempat di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dan dirasmikan oleh Ir Haji Mohd Hatta bin Zakaria, Ketua Pengarah JKKP Malaysia. Seminar ini telah dihadiri oleh 379 orang peserta yang terdiri daripada Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, agensi Kerajaan, syarikat swasta, ahli-ahli akademik dan penyelidik Persatuan dan kesatuan majikan, industri dan pekerja, pertubuhan bukan kerajaan, majikan dan pekerja serta pelajar IPT.




Poster Seminar KKP - Pembangunan Ekosistem Teknologi Dalam KKP (Zon Utara) Tahun 2023



Sesi bergambar Ketua Pengarah JKKP Malaysia bersama semua peserta

## SEMINAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (KKP) PERINGKAT NEGERI PAHANG TAHUN 2023 – PENGUKUHAN KKP MELALUI TEKNOLOGI

Seminar ini telah diadakan pada 16 November 2023 bertempat di Kompleks Dagangan Mahkota, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang dan dirasmikan oleh Encik Ahmad Fauzi bin Awang, Pengarah JKKP Pahang. Seminar ini telah dihadiri oleh 216 orang peserta yang terdiri daripada Pengamal Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, agensi Kerajaan, syarikat swasta, ahli-ahli akademik dan penyelidik Persatuan dan kesatuan majikan, industri dan pekerja, pertubuhan bukan kerajaan, majikan dan pekerja serta pelajar IPT.




Ucapan Perasmian oleh Pengarah JKKP Pahang



Sesi bergambar Pengarah JKKP Pahang bersama semua peserta

## 1ST DIGITAL CONSTRUCTION SUMMIT

1ST Digital Construction Summit bertemakan *Accelerating Construction Through Digital Technologies* di Matrade Exhibition & Convention Centre Kuala Lumpur Pada 14 & 15 Mac 2023 anjuran CIDB Malaysia. Peserta lebih 500 orang.




## TECHNOLOGICAL ASSOCIATION MALAYSIA NATIONAL CONFERENCE 2023

Technological Association Malaysia National Conference 2023 bertemakan *Technology Without Border*. Di Imperial Hotel Kuching Sarawak pada 15 April 2023. Peserta 130 orang anjuran Persatuan Teknologi Malaysia cawangan Sarawak



## SYMPOSIUM ON TECHNOLOGIES FOR SUSTAINABLE URBAN DEVELOPMENT 2023 (TECHSUD 2023)

Symposium On Technologies For Sustainable Urban Development 2023 (TECHSUD 2023). Level 5, Albukhary Building, Wawasan Open University Penang Pada 13 - 14 Mei 2023. Peserta seramai 100 orang dan 37 pembentang kertas kerja. Anjuran Persatuan Teknologi Malaysia Cawangan Pulau Pinang





## DIGITAL FORUM SERIES, EMBRACING DIGITAL TECHNOLOGY (KUALA LUMPUR)

Digital Forum series, Embracing Digital Technology  di Kuala Lumpur pada 17 Mei 2023 anjuran CREAM.




| Programme Tentatives - Day 1 | Time |
|---|---|
| Registration | 8:15am - 9:20am |
| Welcoming remarks by CIDB Malaysia | 9:20am - 9:40am |
| Opening speech by PAM President | 9:40am - 10:00am |
| Coffee Break | 10:00am - 10:30am |
| **Session 1: Working Collaboratively in the Digital Environment**<br><br>Moderator: Ar. Idr. Ts. Ridha Razak, *Director of Rumah Tangsi & Seetizenplus*<br>Speaker 1: Ts. Suffian Shahabuddin, *Director of Six Design Office*<br>Speaker 2: Ar. Ts. Afi Muhaimin Jamalludin, *Director of Studio Kaizen*<br>Speaker 3: Mr. Phillip Tan, *5D BIM Manager of Perunding Kos T&K Sdn Bhd* | 10:30am - 12:30am |
| Q&A | 12:30pm - 1:00pm |
| Lunch and Networking | 1:00pm - 2:15pm |
| **Session 2: Digital Architecture: Future Technologies in Line for the Construction Industry**<br><br>Moderator: Zamir Rashid, *Managing Director of Innoveam*<br>Panelists: Ar. Ahmad Farik Ghaffar, Principal of *Farik Ghaffar Architect*<br>Prof. Ir. Dr. Mohd. Khairil Rahmat, *Director of Centre of Research and Innovation (CORI) Chancellery, UNIKL* | 2:15pm - 3:45pm |
| Q&A Sessions | 3:45pm - 4:15pm |
| Refreshments & End of Programme | 4:15pm - 5:00pm |

**SEMINAR ON DIGITAL TRANSFORMATION JOURNEY SESSION 4**

Seminar on Digital Transformation Journey session 4 di Kota Permai Golf & Countruy Club (KPGCC) Kota Kemuning Selangor pada 25 Mei 2023. Anjuran MBAM, peserta 80 0rang




**PEMERKASAAN PELAKSANAAN BIM DALAM PROJEK JKR**

Pemerkasaan Pelaksanaan BIM dalam Projek JKR pada 26 dan 27 Julai 2023 di UMP Kuantan Pahang anjuran Mila Asia dan CIDB, peserta 54 orang



## KEJARI 4.0 OSH NATIONAL SEMINAR & EXHIBITION KESELAMTAN JENTERA DAN REVOLUSI INDUSTRI 4.0

KeJari 4.0 OSH National Seminar & Exhibition Keselamtan Jentera dan Revolusi Industri 4.0 Pada 26-27 September 2023 di Bangi Avenue Convention Centre, peserta 683 orang.




## PAMPHLET BERKAITAN BUILDING INFORMATION MODELING (BIM)



## PAMPHLET BERKAITAN TEKNOLOGI REALITI MAYA (VR) DAN REALITI TAMBAHAN (AR)






# TS 6 PROGRAM 3
## PENGURUSAN RISIKO KKP MELALUI TEKNOLOGI DIGITAL

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: PENGURUSAN RISIKO KKP MELALUI TEKNOLOGI DIGITAL** | A1 | Mewujudkan/ Menambahbaik sistem pengurusan asas-asas keperluan KKP secara digital | 100% | 7% | 20% | 25% | 0% | 0% | 51% |
| | A2 | Meningkatkan kemahiran (upskilling) pengamal KKP menggunakan sistem digital (samada sistem sedia ada yang disediakan oleh JKKP atau bina sendiri) bagi perkongsian maklumat berkaitan KKP untuk pemantauan pihak berkuasa khususnya bagi sektor berisiko tinggi | 100% | 0% | 25% | 25% | 0% | 0% | 50% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **3%** | **23%** | **25%** | **0%** | **0%** | **51%** |

Pencapaian Program 3 (P3TS6) pada tahun 2023 didokong oleh dua aktiviti utama seperti berikut:

1. Mewujudkan/ manambahbaik sistem pengurusan asas-asas keperluan KKP secara digital
2. Meningkatkan kemahiran pengamal KKP menggunakan sistem digital

Bagi aktiviti 1, 2 sistem pengurusan risiko secara digital sedang dibangunkan dengan melibatkan industri sebagai pembangun sistem. Jawatankuasa telah mengadakan libat urus dengan 2 syarikat dari industri yang sedang membangunkan sistem pengurusan risiko secara digital iaitu IntESH dan Plytec.

Pada tahun 2023, Jawatankuasa telah mengadakan 1 bengkel perkongsian bersama Plytec yang sedang membangunkan Vee Apps iaitu aplikasi pentaksiran risiko berdasarkan prinsip OSHCIM dan Prinsip am pencegahan (GPP). Bengkel ini telah dijalankan pada 31 Oktober 2023 bertempat di UPM School of Business. Seramai 76 orang peserta telah hadir.

Peserta tersebut merupakan wakil dari industri dengan berlatarbelakangkan Profesional dalam industri pembinaan. Bengkel tersebut dijalankan bagi memperkenalkan tentang OSHCIM, dan dalam masa yang sama ingin mendapatkan input pakar bagi menambahbaik aplikasi pentaksiran risiko digital agar dapat dimanfaatkan oleh industri dengan baik.





Selain itu, Jawatankuasa turut terlibat dalam penambahbaikan sistem dataraya JKKP (MyKKP). Pencapaian adalah berdasarkan status pembangunan sistem. Status adalah telah selesai.

Bagi aktiviti 2, Jawatankuasa telah mengadakan kempen hebahan melalui Facebook. Pada tahun 2023, sebanyak 4 bahan kempen telah disediakan dan dimuat naik ke dalam Facebook tersebut.












# TERAS STRATEGIK 7

## PENINGKATAN KKP BAGI PEKERJAAN BERKAITAN KESELAMATAN JALAN RAYA (WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS).

### Struktur Jawatankuasa Teras Strategik



En. Ahmad Nazri bin Ab Kader(JKKP)
**Pengerusi Teras Strategik**

Dr. Azlan Darus (PERKESO)
**Pengerusi Bersama Teras Strategik**

Dr. Rasyimawati binti Mat Rashid
**Timb. Pengerusi**

Pn. Norhazimah binti Mohamad
Pn. Noor Razlianie binti Jakariah
**Urusetia Teras Strategik**

En. Mohd Farid Bin Mastuki
**Urusetia Nasional**

| **Program 1:** Pn. Rasyimawati binti Mat Rashid | **Program 2:** En. Faisal bin Jusuh | **Program 3:** En. Ismahisyam bin Ismayuddin | **Program 4:** En. Pavintheran A/L Kandasamy |
|---|---|---|---|
| Kesedaran amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan | Memantapkan KKP di perkhidmatan *e-hailing* | Memperkukuhkan Pengurusan WRRS | Penambahbaikan KKP di sektor informal. |

**Ahli Jawatankuasa Dalaman**

| Program 1 | Program 2 | Program 3 | Program 4 |
|---|---|---|---|
| 1. Dr. Mokhtar Zamimi bin Ranjan<br>2. Pn. Mardiana binti Abdul Latif<br>3. En. Ayyub bin Omar<br>4. En. Ahmad Syuhairi bin Abdullah<br>5. En. Mokhtar Zamimi<br>6. Pn. Fatin Syahirah Mohamed Yatim<br>7. Pn. Siti Dalila binti Suliman<br>8. Muhammad Faris Izaat Bin Ahmad<br>9. Mohd. Fazli bin Zufri | 1. En. Mat Zawawi bin Zakaria<br>2. Pn. Azreen Shazwani bin Omar | 1. En. Mohd Hafizullah bin Harun<br>2. En. Mohd Sabri bin Salleh | 1. En. Suhaidy bin Latip<br>2. En. Anuksin A/L Eh Klim<br>3. En. Prasad A/L Spormaniam<br>4. Nurul Hamizah binti Baharan |

**Ahli Jawatankuasa Luar**

| PERKESO | MIros | MSOSH & PENGHANTAR | PDRM |
|---|---|---|---|
| 1. En.Harun bin Bakar<br>2. Ir. Ts. Mohd Hafzi bin Md. Isa<br>3. Ismail bin Harun | 1. Ts. Ahmad Saife Salleh | 1. En. Daman Huri bin Mohammad<br>2. En. Zulhelmi bin Mansor | 1. Supt. Shafiei bin Muhammad |

# TERAS STRATEGIK 7

## PENINGKATAN KKP BAGI PEKERJAAN BERKAITAN JALAN RAYA (WRRS), SEKTOR INFORMAL DAN PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS)

| Program | Pencapaian Kumulatif Program (2021-2025) | | | | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif (2021-2025) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | | |
| P1 | 8% | 12% | 27% | 0% | 0% | 100% | 47% |
| P2 | 19% | 28% | 28% | 0% | 0% | 100% | 74% |
| P3 | 19% | 21% | 17% | 0% | 0% | 78% | 57% |
| P4 | 23% | 20% | 18% | 0% | 0% | 100% | 53% |
| **Keseluruhan** | **18%** | **18%** | **22%** | **0%** | **0%** | **95%** | **58%** |

Teras Strategik 7 merupakan salah satu teras di bawah OSHMP25 yang dibangunkan dengan memberi fokus kepada penerimaan dan peningkatan kesedaran amalan KKP bagi pekerjaan masa hadapan, pekerja e-hailing dan pekerja sektor informal serta memperkukuhkan pengurusan jalan raya berkaitan pekerjaan (WRRS). Teras strategik 7 mengandungi 4 program dan 10 aktiviti yang melibatkan kajian, pembangunan garis panduan, seminar dan latihan berkaitan amalan KKP berkaitan jalan raya (WRRS), sektor informal dan pekerjaan masa hadapan (*future jobs*).

Secara keseluruhannya Teras Strategik 7 telah mencapai 95% daripada sasaran bagi tahun semasa dan secara kumulatif telah mencapai 58%. Pencapaian tahun semasa sepanjang 2023, 3 daripada 4 program telah merekodkan pencapaian tertinggi iaitu program 1, 2 dan 4 iaitu sebanyak 100%. Program 3 pula telah mencatatkan pencapaian sebanyak 78%.

Bagi memastikan keberhasilan Teras Strategik 7 dapat dicapai menjelang tahun 2025 pelbagai perancangan bersama jawatankuasa luar dengan kerjasama pemegang taruh telah dirangka. Kolaborasi bersama agensi luar seperti PERKESO, MIROS, MSOSH, PDRM, MOT, agensi swasta dan persatuan juga masih terus giat dijalankan.

# TS 7 PROGRAM 1

## MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP BAGI PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS)

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 1: MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP BAGI PEKERJAAN MASA HADAPAN (FUTURE JOBS)** | A1 | Meningkatkan penerimaan dan kesedaran amalan KKP bagi pekerjaan Masa Hadapan *(Future Jobs)* | 100% | 8% | 12% | 27% | 0% | 0% | 47% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **8%** | **12%** | **27%** | **0%** | **0%** | **47%** |

Teras Strategik 7 Program 1 mempunyai dua aktiviti yang perlu dilaksanakan pada tahun 2023 iaitu; (1) menjalankan kajian pekerjaan masa depan di sektor industri tenaga solar, biomas, industri 5G dan robotik dan (2) mengadakan sesi libaturus dengan *stakeholder*.

Pada tahun 2023, syarikat perunding UTHM Holdings Sdn Bhd telah dilantik bagi menjalankan Kajian Pekerjaan Masa Hadapan Di Sektor Industri Tenaga Solar, Biomas, Industri 5G dan Robotik berdasarkan TOR kajian yang telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Teknikal kajian. Perunding telah menyiapkan draf laporan akhir kajian, cadangan model penguatkuasaan KKP serta panduan KKP untuk pekerjaan masa hadapan di Sektor Industri Tenaga Solar, Biomas, Industri 5G dan Robotik. Draf laporan akhir kajian telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Kajian-Kajian JKKP pada 30 Oktober 2023.

Jawatankuasa Teknikal telah menjalankan lima sesi libaturus bersama industri sepanjang tahun 2023 dalam memantapkan pengetahuan berkaitan kajian pekerjaan masa depan dengan membuat tinjauan aktiviti pekerjaan di lapangan. Sesi libaturus ini juga mendedahkan ahli jawatankuasa aktiviti pekerjaan yang berisiko di sektor industri tenaga solar, biomas, industri 5G dan robotik. Senarai lawatan dan sesi libat urus yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut;

a. 3/3/2023 - Lawatan Industri Solar di LSS Gading Kencana Development di Bidor, Perak.

b. 23/5/2023 - Lawatan Industri 5G di Digital Nasional Berhad, Kuala Lumpur.

c. 4/7/2023 - Lawatan Industri Biogas di Sedenak Biomethane Plant di Kulai, Johor.

d. 8/11/2023 - Lawatan Industri Robotik di Mind Mechatronic Intelligent Design Sdn Bhd di Cyberjaya, Selangor.

e. 8/11/2023 - Lawatan Industri Robotik di Estun Robotics (Malaysia) Sdn Bhd di Puchong, Selangor.



Lawatan Industri Solar di LSS Gading Kencana Development di Bidor, Perak



Lawatan Industri 5G di Digital Nasional Berhad, Kuala Lumpur




Lawatan Industri Robotik di Mind Mechatronic Intelligent Design Sdn Bhd di Cyberjaya

# TS 7 PROGRAM 2
## MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP DALAM PERKHIDMATAN E-HAILING

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 2: MEMANTAPKAN KESEDARAN DAN KEPEKAAN AMALAN KKP DALAM PERKHIDMATAN E-HAILING (TERMASUK PEKHIDMATAN PENUMPANG, PENGHANTARAN BARANGAN MAKANAN, SERVIS ATAU LAIN-LAIN)** | A1 | Meningkatkan penerimaan dan kesedaran amalan KKP di kalangan pekerja e-hailing | 100% | 18% | 35% | 35% | 0% | 0% | 88% |
| | A2 | Mengenalpasti persatuan/ kesatuan pekerja e-hailing | 100% | 20% | 20% | 20% | 0% | 0% | 60% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **19%** | **28%** | **28%** | **0%** | **0%** | **74%** |

Pada tahun 2023, keseluruhan aktiviti telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah pembangunan ICOP P-Hailing yang telah mendapat perkenan Mesyuarat Semakan Dasar Jabatan. Seterusnya, sebanyak lima (5) libat urus telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran amalan KKP bagi sektor e-hailing. Aktiviti yang dijalankan merupakan aktiviti turun padang bagi mendekati pemain industry p-hailing itu sendiri dimana para pemegang taruh iaitu JKKP, PERKESO, PDRM dan sebagainya akan berkongsi kepakaran dalam bidang masing-masing di samping mengambil maklum terhadap cabaran dan masalah yang dihadapi oleh rakan penghantar. Antara aktiviti yang dijalankan antaranya Flashmob bersama PDRM, Jelajah GIG Vision Zero, P-Hailing Safety Passport, Program Advokasi Kempen Keselamatan Jalan Raya Melaka dan Pengurusan Keselamatan Jalan Raya Berkaitan Pekerjaan Kelantan & Kedah MODENAS, JKKP, PERKESO, WAZIMOTO. Persatuan yang dikenalpasti, PENGHANTAR juga turut aktif dalam melaksanakan aktiviti antaranya Majlis Penyerahan Memorandum Isu dan Permasalahan Industri Gig Sektor P-Hailing dan Forum Nasional: Kerangka Kerjaya Industri Gig Malaysia KSM, Majlis Komuniti GIG 2023.



Program Advokasi Kempen Keselamatan Jalan Raya Melaka P-Hailing JSPT & PERKESO, PDRM, WAZIMOTO




Pengurusan Keselamatan Jalan Raya Berkaitan Pekerjaan Kelantan - JKKP, PERKESO, WAZIMOTO, 12 September 2023



Majlis Penyerahan Memorandum Isu dan Permasalahan Industri Gig Sektor P-Hailing MTUC, PENGHANTAR, GEM 10 Jun 2023




Forum Nasional: Kerangka Kerjaya Industri Gig Malaysia KSM, Majlis Komuniti Gig, PENGHANTAR, 17 Julai 2023

# TS 7 PROGRAM 3
## MEMPERKUKUH PENGURUSAN KESELAMATAN JALAN RAYA BERKAITAN PEKERJAAN (WRRS)

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 3: MEMPERKUKUH PENGURUSAN KESELAMATAN JALAN RAYA BERKAITAN PEKERJAAN (WRRS)** | A1 | Menjalankan kajian mengenai hazad dan risiko WRRS | 75% | 18% | 20% | 15% | 0% | 0% | 53% |
| | A2 | Menjalankan program/latihan kesedaran WRRS | 100% | 19% | 25% | 25% | 0% | 0% | 69% |
| | A3 | Memperkukuh sistem keselamatan jalan raya berkaitan WRRS | 39% | 20% | 19% | 8% | 0% | 0% | 47% |
| | A4 | Memperluaskan pensijilan ISO 39001 - Road Traffic Safety Management | 100% | 20% | 19% | 20% | 0% | 0% | 59% |
| | | **Keseluruhan** | **78%** | **19%** | **21%** | **17%** | **0%** | **0%** | **57%** |

Terdapat empat aktiviti utama di bawah Teras Strategik 7 Program 3 bagi tahun 2023.

Melalui Aktiviti 1, satu laporan hasil kajian WRRS Profiling telah siap dan telah dibentangkan pada Seminar Vission Zero yang telah diadakan di World Trade Centre (WTC) Kuala Lumpur. Malaysian Standard MS 2756, Road Traffic Safety – Good Practices for Implementing Work-Related Road juga telah dilancarkan oleh YB Menteri Sumber Manusia dalam Majlis yang sama. Satu bengkel pemurnian dan penambahbaikan senarai semak pemeriksaan bagi pematuhan syarat lesen kepada pengendali kenderaan perdagangan yang menggunakan rujukan Tataamalan (ICOP RTA, 2010), yang melibatkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan raya Malaysia (MIROS) telah diadakan pada Oktober 2023 di Port Dickson.

Aktiviti 2 melibatkan satu libaturus dan bengkel semakan serta penambahbaikan modul WRRSP (WRR Support Program) dan CSSP (*Commuting Safety Support Program*) yang mana ianya telah dihadiri oleh pihak Industri dan pengamal akademik bagi mendapatkan input penambahbaikan. Sebanyak 57 latihan kesedaran dan perkongsian ilmu kepakaran telah diadakan berdasarkan modul yang telah dibangunkan pada tahun 2022 melibatkan 20 syarikat (WRRSP) dan 37 syarikat (CSSP). Selain itu, 2 kempen kesedaran WRRS dan 1 kempen media sosial menerusi pertandingan Vision Zero Video Kreatif dan Poster Digital telah diadakan.

Melalui aktiviti 3 melibatkan 15 sesi kursus OSH-C berkaitan WRRS telah dijalankan dengan penyertaan lebih 300 peserta untuk tahun 2023.

Satu bengkel dokumentasi dan audit dalaman ISO 39001 telah dijalankan melalui aktiviti 4. 15 syarikat telah dijalankan penaksiran dan 5 syarikat telah Berjaya dipersijilkan dengan ISO 39001 bagi tahun 2023




Malaysian Standard MS 2756, Road Traffic Safety – Good Practices for Implementing Work-Related Road Safety telah dilancarkan oleh YB Menteri Sumber Manusia bersempena dengan Vision Zero seminar pada 22-23 Ogos 2023 di WTC, Kuala Lumpur



Bengkel pemurnian dan penambahbaikan senarai semak pemeriksaan bagi pematuhan Tataamalan (ICOP RTA, 2010) pada 23-24 Oktober 2023 di Lexis Port Dickson.



WRRS Support Program (WRRSP)

# TS 7 PROGRAM 4
## PENAMBAHBAIKAN KKP DI SEKTOR INFORMAL

| Program | Aktiviti | | Pencapaian Tahun Semasa (2023) | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (2021-2025) | | | | | Pencapaian Kumulatif Aktiviti (5 Tahun) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | 2021 | 2022 | 2023 | 2024 | 2025 | |
| **Program 4: PENAMBAH-BAIKAN KKP DI SEKTOR INFORMAL** | A1 | Meningkatkan kesedaran amalan KKP bagi sektor informal | 100% | 40% | 13% | 15% | 0% | 0% | 68% |
| | A2 | Membangunkan kaedah kerja selamat serta sesuai dan mudah dilaksanakan | 100% | 16% | 20% | 20% | 0% | 0% | 56% |
| | A3 | Meningkatkan kuantiti dan latihan untuk pemain sektor informal | 100% | 16% | 0% | 20% | 0% | 0% | 36% |
| | **Keseluruhan** | | **100%** | **23%** | **11%** | **18%** | **0%** | **0%** | **53%** |

Teras Strategik 7 Program 4 iaitu Penambahbaikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Sektor Informal mempunyai tiga aktiviti utama pada tahun 2023 seperti [A1] Meningkatkan kesedaran Amalan KKP bagi sektor informal (5 Seminar KKP & 1 Modul Latihan) [A2] Membangunkan kaedah kerja selamat serta sesuai (Penyebaran 5 Amalan Terbaik KKP) dan [A3] Meningkatkan kuantiti dan kualiti latihan untuk pemain sektor informal (1 latihan TTT & 6 latihan KKP):

I. Program Kerja Selamat Dan Sihat Di Sektor Informal (6/5):

i. Pekebun sawit di Ladang Sungai Jernih, Pahang bersama PERKESO pada 20/5/2023;

ii. Sektor Perikanan (Nelayan) bersama LKIM & PNKMS di Lumut pada 27/9/2023;

iii. Sektor Pembalakan di Premier Hotel, Sibu bersama PERKESO dan STA pada 18/10/2023;

iv. Sektor Pertanian (Pekebun Sawit) di Trolak, Perak bersama FELDA, PERKESO dan MPOB pada 06/11/2023;

v. Sektor Pertanian (Penoreh Getah) di Sayong Resort, Perak bersama RISDA dan PERKESO pada 08/11/2023;

vi. Sektor Perkhidmatan (Bengkel Automotif) di De Palma Shah Alam pada 09/11/2023.

II. 2 Modul Latihan KKP (Sawit & Getah)(2/1);

III. Perkongsian Amalan Terbaik KKP (8/5):

i. Program Peningkatan Produktiviti Syarikat Tempatan pada 28/2/2023 -AUTOPRO, PUSPAWM & MPC;

ii. NATSEM 2023 pada 20/6/2023 di Weil Hotel, Ipoh -MSOSH & POSHE;

iii. Kursus KKP TTT MODENAS di Gurun, Kedah pada 12/9/2023;

IV. Program Mesra Getah & Nelayan anjuran LGM, LKIM, PERKESO dan JKKP (Pahang, Johor, Kelantan, Kedah, Perak, Melaka & Negeri Sembilan ~ 700 peserta) (7/6);

V. Dialog KKP di Tower Regency Hotel, Ipoh pada 13/7/2023 - POSHE;

VI. Taklimat KKP (Informal) pada 25/9/2023 - JPNP;

VII. Latihan KKP kepada pemegang taruh (stakeholder) di Hotel Dorsett Putrajaya pada 15/11/2023.



Program Kerja Selamat dan Sihat di Sektor Pertanian (Pekebun Sawit) 2023




Program Kerja Selamat dan Sihat di Sektor Pertanian (Penoreh Getah) 2023





Program Kerja Selamat dan Sihat Bengkel Automotif 2023




Bengkel Kerja Selamat dan Sihat Pembalakan 2023

# LAPORAN KEWANGAN TAHUN 2023

Di bawah Rancangan Malaysia ke dua belas (RMKe-12), Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP) telah diperuntukan sejumlah RM8.5 Juta. Peruntukan pembangunan ini adalah bagi melaksanakan program dan aktiviti bagi menjayakan objektif pelaksanaan OSHMP25. Perincian agihan kewangan untuk OSHMP25 di bawah RMKe-12 mengikut *rolling plan* (RP) adalah seperti di Rajah 1.




Rajah 1: Agihan peruntukan OSHMP25 di bawah RMKe-12

Setakat tahun 2023, jumlah perbelanjaan OSHMP25 telah mencatatkan sejumlah **RM 2,821,466.81,** atau **33%** daripada keseluruhan peruntukan yang diterima. Untuk tahun 2023, JKKP telah diperuntukan sejumlah **RM 929,700.00** bagi melaksanakan keseluruhan **55 program** sepanjang tahun 2023. Program-program yang dilaksanakan merangkumi penganjuran seminar, pembangunan modul, pembangunan sistem pelaporan kemalangan, penganjuran mesyuarat, penyediaan laporan, pembangunan modul, pertandingan amalan terbaik KKP, dan lain-lain bentuk program yang telah dirancang selaras dengan output-output yang ditetapkan di bawah OSHMP25. Pencapaian kewangan OSHMP25 secara keseluruhannya mencatatkan peratus perbelanjaan 100 peratus, seperti di Jadual 1.

| Tahun Pelaksanaan | Peruntukan Mengikut Tahun | Perbelanjaan Mengikut Tahun | Jumlah Program | Peratus Belanja (%) |
|---|---|---|---|---|
| 2021 | RM 906,139.74 | **RM 906,139.74** | 22 | 100% |
| 2022 | RM 985,717.01 | **RM 985,717.01** | 44 | 100% |
| 2023 | RM 929,700.00 | **RM 929,610.06** | 55 | 100% |
| 2024 | RM 3,000,000.00 | | 73 | |
| 2025 | RM 2,678,443.25 | | | |

Jadual 1: *Scoreboard* peruntukan OSHMP25

# ANALISIS KEWANGAN DAN PROGRAM YANG DILAKSANAKAN MENGIKUT TERAS STRATEGIK OSHMP25

Sehingga tahun 2023, JKKP telah diperuntukan sejumlah RM2,821,4666.81 bagi melaksanakan sebanyak 121 program di bawah DE OSHMP25. Analisis pelaksanaan program dan jumlah peruntukan mengikut Teras Strategik OSHMP25 seperti di Rajah 1.




Rajah 1: Ringkasan analisis kewangan 2021-2023

## AGIHAN PERUNTUKAN TAHUN 2024

Untuk tahun 2024, peruntukan ini telah diagihkan kepada semua Teras Strategik OSHMP25 mengikut keutamaan, komitmen sediada serta cadangan program yang telah dirancang. Keseluruhan program yang dirancang untuk tahun 2024 adalah sebanyak 73 program. Jumlah agihan peruntukan dan jumlah program dilaksanakan seperti di Rajah 2.

| Tahun Pelaksanaan | Agihan Peruntukan | Jumlah Program |
|---|---|---|
| Urusetia Nasional | RM 500,000.00 | 6 |
| TS 1 | RM 792,500.00 | 14 |
| TS 2 | RM 233,000.00 | 11 |
| TS 3 | RM 430,000.00 | 10 |
| TS 4 | RM 337,000.00 | 15 |
| TS 5 | RM 87,000.00 | 6 |
| TS 6 | RM 360,000.00 | 5 |
| TS 7 | RM 356,600.00 | 9 |

## PRESTASI PERBELANJAAN DAN PERANCANGAN PROGRAM (2021-2024)

### URUSETIA NASIONAL




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 473,088.00 | 2021 | 7 |
| RM 330,609.50 | 2022 | 10 |
| RM 102,760.00 | 2023 | 5 |
| RM 500,000.00 | 2024 | 6 |

**RINGKASAN PRESTASI**

Jumlah belanja : RM 906,457.50

Jumlah program: 22 (Dilaksana)

### TERAS STRATEGIK 1




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 35,840.00 | 2021 | 2 |
| RM 53,101.23 | 2022 | 3 |
| RM 257,070.30 | 2023 | 5 |
| RM 792,500.00 | 2024 | 14 |

**RINGKASAN PRESTASI**

Jumlah belanja : RM 346,011.53

Jumlah program: 10 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 2




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 87,643.20 | 2021 | 3 |
| RM 147,680.20 | 2022 | 5 |
| RM 121,000.00 | 2023 | 7 |
| RM 233,000.00 | 2024 | 11 |

### RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 356,323.40

Jumlah program: 15 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 3




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 56,632.96 | 2021 | 2 |
| RM 103,796.88 | 2022 | 6 |
| RM 56,451.00 | 2023 | 5 |
| RM 430,000.00 | 2024 | 10 |

### RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 216,881.44

Jumlah program: 13 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 4




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 133,300.00 | 2021 | 3 |
| RM 170,967.20 | 2022 | 9 |
| RM 126,945.20 | 2023 | 13 |
| RM 337,000.00 | 2024 | 15 |

### RINGKASAN PRESTASI

Jumlah belanja : RM 411,212.40

Jumlah program: 25 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 5




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 49,500.00 | 2021 | 1 |
| RM 63,405.00 | 2022 | 2 |
| RM 117,019.00 | 2023 | 8 |
| RM 87,000.00 | 2024 | 6 |

**RINGKASAN PRESTASI**

Jumlah belanja : RM 229,924.00

Jumlah program: 11 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 6




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 21,400.00 | 2021 | 2 |
| RM 77,820.46 | 2022 | 6 |
| RM 43,232.94 | 2023 | 4 |
| RM 360,000.00 | 2024 | 5 |

**RINGKASAN PRESTASI**

Jumlah belanja : RM 142,453.40

Jumlah program: 12 (Dilaksana)

## TERAS STRATEGIK 7




| Belanja | | Program |
|---|---|---|
| RM 100,600.00 | 2021 | 2 |
| RM 40,000.00 | 2022 | 2 |
| RM 88,310.00 | 2023 | 2 |
| RM 350,600.00 | 2024 | 9 |

**RINGKASAN PRESTASI**

Jumlah belanja : RM 228,910.44

Jumlah program: 6 (Dilaksana)

# URUSETIA LAPORAN OSHMP25



**Penaung**
Ts. Salina binti Tukimin



**Penasihat**
Pn. Siti Mariam binti Samat



**Ketua Editor**
En. Mohd Farid bin Mastuki



**Editor**
Ir. Mohamad Fazli bin Masri

**Prufread**



En. Hasnul Rahimy bin Kandar



En. Zulkifli bin Abdullah



En. Noor Hafizie bin Sulkafle

**Urusetia**



**Teras Strategik 1**
En. Abdul Muhaimin bin Abdullah



**Teras Strategik 2**
Pn. Nor Hafizan binti Mat Taib @ Mat Amin



**Teras Strategik 3**
Pn. Nurul Fatimah Bayah binti Haron



**Teras Strategik 4**
En. Zulkifli bin Abdullah



**Teras Strategik 5**
Pn. Nur Faizah binti Ali



**Teras Strategik 6**
Ir. Ts. Wan Mohd Fadzil bin Wan Sapiansori



**Teras Strategik 7**
Pn. Norhazimah binti Mohamad

LAPORAN PENCAPAIAN
PELAN INDUK KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN 2021-2025

# OSHMP25




**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)**

Aras 1, 3, 4 & 5, Setia Perkasa 4, Kompleks Setia Perkasa,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62530 W. P. Putrajaya

+603 8886 5000 +603 8889 2443 jkkp@mohr.gov.my www.dosh.gov.my